

MAJALAH

VARIA-C

EDISI KE-3

كوليج اونغكو اومار

45
1970-2015
PERBAHAGIAN AMANAH NEGARA
UKM



KOLEJ UNGKU OMAR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA




The background of the entire cover is a dense collage of numerous small photographs. These photos depict various student activities, including group portraits, individuals in uniform, students in classrooms, and people at social events. The collage is rendered in a monochromatic yellow-green color scheme.

★★★★★
MAJALAH
VARIA-C




KOLEJ UNGKU OMAR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
"ESTABLISHED IN 1978"

KANDUNGAN



INTERNASIONAL





FALSAFAH

Paduan jati diri kebangsaan, kompeten dari segi pengetahuan, kemahiran insaniah dan berdaya saing adalah dasar utama pembentukan pelajar holistik dan seimbang.

VISI

Melahirkan pelajar berilmu dan menguasai kemahiran insaniah agar berdaya saing selaras dengan falsafah dan wawasan universiti.

MISI

Bertekad menjadi kolej akademik yang terkehadapan membangunkan sifat dan semangat kekolejan dalam kalangan pelajar dengan menggabungkan ilmu dan kompetensi generik bagi menghasilkan pelajar yang berdaya saing dalam masyarakat.

OBJEKTIF

Melahirkan mahasiswa/i yang boleh:

- Mengaplikasikan ilmu dan kemahiran generik dalam kerjaya.
- Mencerminkan sifat dinamis dan akhlak mulia.
- Memaksimumkan kemudahan tempat tinggal yang disediakan kolej bagi proses pembelajaran.
- Meningkatkan kemahiran insaniah melalui program yang dirancang secara sistematik.



LIM SENG JOE

SIDANG REDAKSI

KOLEJ UNGKU OMAR

JURNALISME • FOTOGRAFI • PEREKA GRAFIK



MOHD TAUFIK ABD
JAMIL



MOHAMAD AZIZULL
HAQQIM MOHAMAD AZMI

NORAIIDILLA AHMAD
SUBKI



NIK AFRINA NABILA
NIK ISMAIL



MUHAMMAD SAFWAN
MOHD TAHIR



NUR AINI LIYANA SABDA
@ ABDULLAH



IZA TILHAYATI NUR
ZAINAL ABIDIN



MUHAMMAD MUHAIMIN
HAMZAH



MOHAMAD ISMAIL
RAHMAN

NORFATIN SYUHADA
OTHMAN



DAYANGKU NURUL IZZAH
IZZATI PENGIRAN KAMALUDIN



MOHAMAD SYAFEEQ
ABDUL RAHMAN



MUHAMMAD HAFIZ
RAHMAT



NOORAIN SAKARNOR



NAWARHUSNA NADIA
BUSU

NOTA EDITOR

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Seutus warkah, bersulam bicara.

Bersyukur ke hadrat Ilahi, Majalah Varia-C Kolej Ungku Omar edisi ke-3 sesi 2014/2015 dapat diterbitkan dengan jayanya sekali. Majalah Varia-C acapkali menggamit seribu satu memori berlandaskan rentetan peristiwa di kolej ini, ia sudah tentu menjadi penantian ramai. Justeru itu, edisi ke-3 ini dihasilkan khas buat warga Kolej Ungku Omar, UKM.

Setinggi- tinggi penghargaan ditujukan kepada Dr. Lim Seng Joe yang memberi banyak tunjuk ajar sepanjang proses penghasilan Majalah Varia-C ini. Tahniah saya ucapkan kepada semua ahli editorial majalah yang tanpa mengenal jemu dan penat lelah dalam berusaha menyiapkan majalah ini. Saya juga ingin mengambil peluang dalam ruangan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak sama terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan majalah ini.

Bersempena dengan sambutan penubuhan 45 tahun Universiti Kebangsaan Malaysia kami telah menyediakan beberapa ruangan yang menyentuh serba sedikit mengenai universiti tercinta.

Akhir kata, saya berharap agar Majalah Varia-C dapat meninggalkan segala nostalgia yang bermakna kepada seluruh warga Kolej Ungku Omar. Saya juga berharap agar majalah Varia-C akan terus menyemarakkan sinarannya pada masa akan datang dengan pengisian yang lebih mantap. "Berpadu Bertambah Mutu"

"Dan berikanlah peringatan, sesungguhnya peringatan itu bermanfaat untuk orang-orang mukmin" - Az-Zariyaa:55

Sekian terima kasih,

Mohd. Taufik bin Abd Jamil,
Ketua Editor Majalah Varia-C
Sesi 2014/2015,
Kolej Ungku Omar,
Universiti Kebangsaan Malaysia





TES
SEM

"18 Mei, 1970, impian segenap lapisan masyarakat dijemakan. Gegaran penubuhan UKM terasa diseluruh pelusuk negara. Tidak dapat digarap dengan perkataan apa yang terdetik disanubari setiap rakyat disaat penubuhan UKM 45 tahun yang lalu. Harapan yang begitu tinggi. Hampir separuh isi rumah negara pada ketika itu masih bergelumbang dengan kemiskinan, mengharapkan kehidupan yang lebih selesa. Malaysia meletakkan harapan yang tinggi ke atas UKM untuk mencorakkan masa depan negara. Membina kesjaranaan yang memanfaatkan semua."

Marilah kita mendukung citra penubuhan universiti ini, menjadi Pendaulat Amanah Negara. Universiti yang membawa negara ini dan rakyatnya maju kehadapan dengan kesjaranaan yang disegani dan dihormati. Universiti yang Mengilham Harapan dan Mencipta Masa Depan yang gemilang untuk semua.

"Kekuatan setiap warga perlu digembleng bersama sebanyak yang mungkin. Kita perlu tingkatkan integrasi ilmu, kepakaran dan kesjaranaan merentasi disiplin bagi mencipta penyelesaian yang bermakna dan tawaran yang bernilai tinggi. Kita perlu menstruktur pengoperasian yang menggalakkan integrasi ini. Kita mesti meletakkan penghasilan impak yang tinggi untuk semua pemegang taruh. Mencabar kelaziman secara sistematik dengan daya inovasi dan kreativiti yang tinggi perlu menjadi lumrah kita semua. Enam (6) keberhasilan strategik yang digariskan menjadi teras kepada tindakan-tindakan kita."

Sama-samalah kita menjayakan universiti ini. Kepada Allah SWT kita berharap dan mendoakan agar UKM terus berdiri gagah, cemerlang dan memberi manfaat kepada semua.
"Pendaulat Amanah Negara"

YBHG. PROF. DATUK NOOR AZLAN GHAZALI
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

(Petikan dari UKM News Portal)



"Sebagai sebuah universiti penyelidikan, UKM mempunyai tanggungjawab lebih besar dalam memupuk pelajarannya untuk meningkatkan nama baik UKM"

"Matlamat saya apabila bertugas di UKM hanyalah untuk menjadi seorang pensyarah untuk membentuk dan menggilap minda generasi muda supaya mereka boleh berjaya dan membawa kebanggaan kepada UKM. Tidak pernah terlintas di fikiran saya bahawa saya akan memegang jawatan TNC HEPA antara jawatan yang tertinggi di UKM,"

Beliau juga menyatakan bahawa berurusan dengan pelajar adalah satu bahagian penting dalam sebuah universiti dan percaya Prof Noor Aziah mampu mengendalikan jawatan barunya dengan berjaya bagi menghadapi segala cabaran yang akan ditempuhinya.

Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Universiti Kebangsaan Malaysia

(Petikan dari UKM News Portal)



Assalamualaikum, selamat sejahtera dan
, salam 1Malaysia

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke
hadrat Ilahi, dengan kurnia dan inayah-Nya,
Majalah Varia-C Edisi Ketiga telah berjaya
disiapkan. Tahniah diucapkan kepada semua
pihak yang terlibat secara langsung atau
tidak langsung dalam menjayakan penyiapan
majalah ini. Saya sangat berpuas hati
dengan kualiti dan perkembangan yang men-
dadak yang telah
.dilakukan dalam majalah ini

Kolej Ungku Omar ialah kolej yang menja-
di kebanggaan semua penghuni tidak kira ses-
iapa sahaja. Demi mencapai kecemerlangan
akademik, sahsiah kebolehpasaran yang
tinggi. Warga Kolej Ungku Omar perlu bersa-
tu ke arah menjayakan matlamat bersama
transformasi universiti yang sentiasa ke
hadapan dalam "mengilham harapan dan men-
cipta masa depan". Hayatilah moto kolej "
Berpada bertambah mutu" dan jadilah warga
kolej yang sentiasa bertanggungjawab serta
menyumbang secara inovatif kea rah pemban-
gunan masyarakat kampus dan objektif na-
sional. Saya berharap seluruh warga kolej
melalui eksekutis yang dilalui di kolej ini beru-
paya memiliki nilai-nilai progresif, integratif
dan ekspresif yang tinggi dalam usaha kita
membina imej selaku manusia berbudi

.Sekian, terima kasih

Encik Nik Hairi Omar
Pengetua
Kolej Ungku Omar
Sesi 2014/2015
Universiti Kebangsaan Malaysia



Asalamualaikum dan salam sejahtera
KUO,

Alhamdulillah syukur kehadiran illahi
atas nikmat kejayaan yang telah dikur-
niakan kepada Kolej Ungku Omar pada
sesi 2014/2015 ini.

Harapan saya agar kejayaan yang
telah dicapai oleh Kolej Ungku Omar
menjadi satu pembakar semangat buat
semua penghuni untuk terus
berbakti kepada kolej ini.

Oleh itu , bersama-samalah kita
menyumbang kearah Kuo terbaik, kon-
dusif, dan graduan beridentiti nasional,
berkompeten serta berdaya inovasi
selari dengan salah satu KRA yang
digariskan oleh UKM.

Akhir kata, kepada semua warga Kuo,
sentiasalah bersikap positif, memberi
kerjasama dan menyumbang dalam
semua aktiviti Kuo .

Sekian , terima kasih

Jamalul Lail Abdul Wahab
Timbalan Pengetua
Kolej Ungku Omar
Sesi 2014/2015
Universiti Kebangsaan Malaysia



Assalamualaikum w.b.t & salam sejahtera Omarians,

Dikesempatan ini saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung untuk menyiapkan majalah tahunan Kolej Ungku Omar (Majalah Varia-C) yang telahpun memasuki edisi ketiga. Usaha gigih yang ditunjukkan semua pihak, pentadbiran, AJK dan penghuni kolej telah berjaya menghasilkan majalah sedemikian rupa. Saya yakin dan percaya, penghasilan majalah kolej seumpama ini dapat dijadikan kenangan apabila bergelar sebagai alumni satu hari nanti.

Pada ruangan kali ini juga, ingin saya mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada barisan pentadbiran kolej yang diketuai oleh ayahanda Encik Nik Hairi Bin Omar kerana telah mentadbir kolej sebaik mungkin. Dari hati yang ikhlas mengakui bahawa, tidak pernah mempunyai seorang ketua yang sangat berdedikasi dalam segala aspek, baik pentadbiran mahupun diluar kuasa pentadbiran. Siang malam tidak pernah mengenal erti lelah demi kebajikan penghuni dan kolej tercinta. Terima kasih juga kepada Timbalan Pengetua, Pengurus, Staff yang lain dan rakan-rakan Felo kerana sama-sama membantu pentadbiran kolej.

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan kepada Majlis Eksekutif Pelajar (MEP) Sesi 2014/2015 kerana telah menjalankan amanah sebaik mungkin demi mengharum dan memartabatkan nama kolej ke peringkat yang lebih tinggi. Segala penat lelah yang ditunjukkan oleh barisan kepimpinan kali ini saya kira tidak mampu dibalas oleh sesiapa dan kejayaan-kejayaan yang dicapai sepanjang sesi ini sudah pasti menjadi kenangan terindah kepada barisan MEP sendiri dan semua penghuni pastinya. Segala kenangan yang dibukukan dalam bentuk majalah kali ini sudah cukup menggambarkan apa yang dimaksudkan.

Akhir sekali ucapan selamat maju jaya saya kepada semua penghuni kolej, baik tahun satu, mahupun tahun akhir. Semoga mencapai kejayaan yang gemilang di mana sahaja anda bertapak. Jadikanlah kenangan di Kolej Ungku Omar, UKM sebagai kenangan terindah.

Sekian, Terima Kasih

Mashrom Bin Muda
Felo Kanan
Kolej Ungku Omar
Sesi 2014/2015
Universiti Kebangsaan Malaysia



Selamat sejahtera dan salam 1 Malaysia,

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas kepada pengetua Kolej Ungku Omar iaitu Encik Nik Hairi Omar serta semua pegawai pentadbiran kolej kerana telah berjaya membantu mahasiswa/i di kolej ini tanpa mengeluh dan mengenal erti penat lelah.

Tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada ahli-ahli sekretariat publisiti dan penerbitan (ICT) Kolej Ungku Omar kerana telah berjaya meneruskan kesinambungan penerbitan majalah tradisi kolej ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata untuk dimuatkan dalam majalah ini.

Pada era globalisasi ini, mahasiswa/i perlulah mempunyai kredibiliti sebagai seorang pemimpin dalam pelbagai bidang. Mahasiswa/i juga perlu cemerlang dalam akademik dan sukan serta mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi di dalam diri bagi meneruskan kehidupan sebagai seorang manusia yang berjaya, selaras dengan 6 KRA Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mahasiswa/i juga perlulah melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan. Kita akan dapat menjalin hubungan yang baik dengan masyarakat luar. Perkara ini akan memberi impak yang positif kepada masyarakat tentang mahasiswa/i Universiti Kebangsaan Malaysia yang akan ke hadapan berbanding institusi pendidikan yang lain.

Saya yakin bahawa remaja ialah aset negara dan mereka akan menerajui dan mendukung cita-cita negara pada masa depan dengan sikap disiplin yang utuh dalam diri mereka. Akhir kata daripada saya, "Saya mementingkan kualiti bukan kuantiti".

Sekian terima kasih,

Muhammad Farishah Isnin
Ketua Eksekutif,
Majlis Eksekutif Pelajar,
Kolej Ungku Omar
Sesi 2014/2015
Universiti Kebangsaan Malaysia



PEJABAT PENTADBIR

KALANTER PERKHEMATAN

TERIMA KASIH
KERANA
JUALAG KEDOKTERAN



AN



WAKTU PEJASAT OFFICE WORKING HOUR		
ISNIN-KHAMIS	8.00 PAGI - 1.00 PETANG	
KUINI - KHAMIS	8.00 PETANG - 5.00 PETANG	
JUMAT	8.00 PAGI - 12.15 PETANG	
ISNIN	8.00 PETANG - 5.00 PETANG	
SABTU	TUTUP	
SABTU-SABTU	TUTUP	

SELAIN WAKTU PEJASAT DIA BERKHIDMAT DENGAN TELUS BERKUALITI
PLEASE CONTACT THE TELLER OR SUFFI AFTER OFFICE HOUR
011-2222 2222

MAKLUMAN PERHATIAN
PELAKSANA YAMU BERKUALITI
DIA PERKHIDMATKAN DENGAN TELUS BERKUALITI
KAMI SAMA SAMA MELAKSANAKAN
KUALITI DAN BERKHIDMAT DENGAN
TELUS BERKUALITI TELUS BERKUALITI
TELUS BERKUALITI



KOLEJ INDRU OMAR



PENTAD BIRAN

23 JUN
1976

Kolej Ungku
Omar mula
dibina

TAHUN



1992 - 1996

Dr. Abd Latif
Safian

1970s

1980s

1990s

7 JANUARI
1978

Kolej Ungku Omar
telah disiapkan
dengan keluasan 220
kaki persegi



1984 - 1992

Prof Dr Shuib
Che Din



2005-
2007

Dr. Jamaludin
Badrushah

2007-
2009

Dr. Safani
Bari

2014-KINI

En. Nik Hairi
Omar



2000s

2010s

1999-
2005

En. Warnoh
Katiman



2009-
2012

Prof. Madya
Mejar Dr Samsu
Adabi Mamat

2012-
2014

Mejar Dr Azahan
Awang



STAF PENTADBIRAN



PENTADBIRAN



EZWARYZAL SAMEAN
PENYELIA ASRAMA



SITI HAJAR MOHD YUSOF
PEMBANTU OPERASI



MUHD SYAHIR MUHD SAUFI
PEMBANTU OPERASI



NAIMAH HASSAN
PEMBANTU OPERASI



MOHD HELMI ZAINAL
PEMBANTU OPERASI



AHMAD SAFUAN AHMAD
HALMI
PENYELIA ASRAMA



MAZELAN K. SAIDALI
PEMBANTU OPERASI



KAMALIAH DAROS
PEMBANTU OPERASI

FELO PENTADBIRAN



PENTADBIRAN



MAJLIS EKSEKUTIF PELAJAR



PENTADBIRAN



MUHAMMAD FARISHAH ISNIN
Ketua Eksekutif Pelajar



NUR AISYAH AHMAD KAMAL
Timb. Ketua Eksekutif 1



AMMAR AFANDI AZIZ
Timb. Ketua Eksekutif 2



CHE KU FATIMAH AMIRAH
CHE KU AZLAN
Setiausaha Eksekutif



INTAN NADIA NIK
Bendahari Eksekutif



SITI ROHAYU SAROJI
Eksekutif Akademik



IZAD FIRDAUS YA'AKOB
Eksekutif Sukan dan Rekreasi



AINUR FARAHIN ABDULLAH
Eksekutif Kebudayaan dan Warisan



M DINESHNI A/P MUTHUKUMARU
Eksekutif Integriti dan Perpaduan
Kaum



MOHAMAD NURAZAM ABDULLAH
Eksekutif Hal Ehwal Luar dan
Pengantarabangsaan



MOHD. TAUFIK ABD JAMIL
Eksekutif Informasi & Penerbitan



ZULAIKHA NASUTION SALEH
Eksekutif Kerohanian



SITI NUR IZZATY SALIT
Eksekutif Hal Ehwal Siswi



MUHAMMAD SOLIHIN HAMZAH
Eksekutif Keselamatan



TAN JIAN SHEN
Eksekutif Kebajikan dan Kaunseling





MUHAMMAD IDRIS HAMID
Eksekutif Keusahawanan

STATISTIK PENGHUNI KOLEJ UNGKU OMAR SESI 2014/2015

JANTINA	BILANGAN
LELAKI	322
PEREMPUAN	636

TAHUN PENGAJIAN	BILANGAN
TAHUN 10	1
TAHUN 8	1
TAHUN 6	4
TAHUN 5	4
TAHUN 4	265
TAHUN 3	246
TAHUN 2	324
TAHUN 1	293

FALKUTI	BILANGAN
EP	183
GG	53
JS	1
KK	107
PP	77
RA	2
RR	1
SK	181
ST	284
TT	47
UU	20
ZC	2



Pelan Strategik

Objektif 1 : Mempertingkatkan kualiti pentadbiran Kolej Penunjuk Prestasi

Pencapaian Utama (KPI)				
Aktiviti	Penunjuk Prestasi Utama	Sasaran	Portfolio	Agensi terlibat
a) Menyediakan maklumat penginapan terkini dan lengkap	100% maklumat dimasukkan dalam Sistem Unit Perumahan Pelajar	1 Mei 2014	Pengurus	KUO dan Unit Perumahan
b) Menyediakan carta proses-proses alir berkaitan pengurusan penginapan	1 carta alir yang ditampal di papan kenyataan	1 Mei 2014	Pengurus	KUO
c) Menyediakan borang aduan berkaitan perkhidmatan dan kemudahan	Maklumbalas aduan dalam masa 3 hari bekerja	1 Mei 2014	Pengurus	KUO
d) Menyediakan latihan untuk kakitangan supaya terlatih dalam memberikan perkhidmatan kepada pelajar	7 hari atau bersamaan 42 jam setahun	1 Mei 2014	Pengurus	Unit Latihan & UPP
e) Mewujudkan Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)	1 pertandingan KIK setiap tahun	Mulai 1 Apr-15	Pengurus	KUO & Pendaftar
f) Maklumat peraturan kolej	Maklumat peraturan dipamerkan di setiap blok	1 Sept. 2014	Pengurus	KUO
g) Menyediakan pelan kebakaran	Pelan dipamerkan di setiap blok	1-Apr 2014	Penolong Pengurus	JKKP & KUO
h) Telefon kecemasan dan pegawai insiden	Dipamerkan di setiap blok	1-Apr 2014	Penolong Pengurus	JKKP & KUO
i) Memastikan alat penggera kebakaran, alat pemadam api berfungsi	Diaudit setiap 3 bulan	Mulai Mac 2014	Penolong Pengurus	JKKP, kontraktor dan KUO
j) Pemantauan kepatuhan peraturan asrama pelajar	Pemeriksaan blok dan asrama sekali	Mulai Mac 2014	Penolong Pengurus	KUO
k) Mendapatkan maklumbalas dan mengenalpasti masalah pelajar KUO	Mengadakan hari bersama pelanggan (staf & pelajar)	5 Mac 2015	Pengurus	KUO

Pelan Strategik

Objektif 2 : Melahirkan pelajar yang unggul				
Aktiviti	Penunjuk Prestasi Utama	Sasaran	Portfolio	Agensi terlibat
a) Mewujudkan anugerah dan penghargaan penglibatan pelajar	Malam anugerah Karnival Gempak Varia-C	30 Mei 2015 20 Mac 2015	Pengetua	KUO
b) Menggalakkan dan meningkatkan penyertaan pelajar KUO dalam semua aktiviti kolej mahupun UKM	Sistem Merit Menyediakan transkripsi aktiviti pelajar sepanjang sesi	25-Jun-15	Pengetua	KUO
c) Membentuk pelajar yang berkompeten dan berinovasi tinggi	Mengadakan Pameran Inovasi Mengadakan Pesta Juadah Antarabangsa Dream Resonance Karnival Gempak Varia-C	5 Mei 2015 5 Mei 2015 16-Jun-15 20 Mac 2015	Pengetua	KUO & Agensi Luar
d) Memastikan pelajar yang mempunyai jati diri kebangsaan dan nilai kerohanian	Ceramah agama Bengkel Pengurusan Jenazah Karnival Gempak Varia-C	12 Mei 2015 7 Mac 2015 20 Mac 2015	Pengetua	KUO
e) Memastikan pelajar tinggi kemahiran keusahawanan	Projek Cendawan Perusahaan Koperasi Penyeliaan Kiosk Karnival Gempak Varia-C	20 Mac 2015	Pengetua	KUO
f) Memastikan pelajar yang peka dan bertanggungjawab terhadap keselamatan serta kesihatan	Latihan Kebakaran Kempen Derma Darah Penubuhan Pasukan Gempur Aedes	14-Nov-14 20-Apr-15	Pengetua	KUO & Anggota Bomba

KEMUDAHAN



SURAU



KIOSK



GELANGGANG BOLA BASKET



KEDAI C-MART



KAFETERIA



FOYER



GELANGGANG SKUAS



CYBER-C



GAZEBO



BILIK AKTIVITI PELAJAR



PARKIR KENDERAAN



BILIK



GELANGGANG FUTSAL



GELANGGANG BADMINTON

PENAMBAHBAIKAN KOLEJ UNGKU OMAR

Sepanjang penubuhan Kolej Ungku Omar,terdapat beberapa penambahbaikan telah dilakukan sejak baru-baru ini.Hal ini demikian,adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan mahasiswa serta membaiki infrastruktur kolej.

Antara penambahbaikan yang telah dilakukan ialah pihak pentadbiran telah memasang pemegang tangga 'stainless steel' di setiap blok yang terlibat iaitu blok K7A,blok K7B,blok K7C dan blok K7D. Pemasangan ini telah dilakukan pada bahagian tangga luar tandas.Hal ini kerana bagi mengelakkan para mahasiswa daripada berlaku sebarang kemalangan kecil seperti tergelincir. Malahan,jaring BRC telah dipasang pada semua 23 flatlet beserta empat buah asrama kolej.Jaring ini dipasang pada bahagian tingkap tandas.Tujuan jaring ini dipasang untuk menghalang gangguan monyet daripada memasuki bahagian dan bilik basuh.Dengan ini dapat yang memberi keselesaan yang optimum kepada mahasiswa kolej.

Selain itu,pihak pentadbiran kolej juga telah membuat pemasangan pili air daripada Kolej Ibrahim Yaakob kepada blok-blok tertentu.Tujuan pemasangan ini dilakukan adalah untuk membekalkan sumber air kepada penghuni kolej apabila berlakunya krisis ketiadaan air.Melalui inisiatif ini sedikit sebanyak telah meringankan beban mahasiswa kolej dalam meneruskan kehidupan seharian apabila ketiadaan air.Pihak kolej juga telah bercadang untuk menyediakan sumber air pili terbuka dalam flatlet K9B,K8D dan K8C bagi memudahkan mahasiswa menghadapi isu air.Bukan itu sahaja,berkemungkinan tiga tangki statik besar daripada Kolej Keris Mas(KKM) akan ditempatkan ke Kolej Ungku Omar(KUO).Dijangkakan satu kawasan akan dikhaskan dan dijadikan tempat kolah mandi (tubewell) yang akan dibina pada Januari 2015.

Di samping itu,pihak kolej juga telah memastikan agar lampu-lampu dalam persekitaran kolej dapat berfungsi dengan baik.Untuk itu 'spotlight' di gelanggang bola keranjang telah dibaik pulih untuk kegunaan mahasiswa kolej pada waktu malam.Bukan itu sahaja pihak pentadbiran telah mewujudkan kotak besi bagi melindungi suis-suis yang ada di kolej ini.Pihak kolej juga berhasrat untuk membaikpulih lampu di gelanggang badminton yang telah tidak berfungsi lagi. Dalam masa itu,pihak kolej juga telah mengosongkan 10 flatlet bagi penggunaan penyimpanan barang.

Tambahan pula,pihak kolej telah diamanahkan sepenuhnya untuk mengambil alih penjagaan sepenuhnya rumah tamu,di mana pada asalnya rumah tamu adalah dibawah pihak UKM.Ini merupakan satu kebaikan yang diperolehi kolej kerana melalui ini dapat menjana kewangan hasil daripada penyewaan rumah tamu ini.

Pada semester satu sesi ini,pihak kolej telah mengambil inisiatif untuk memperbaiki beberapa mozek kafeteria yang telah pecah.Ini adalah bertujuan untuk menjaga keselamatan mahasiswa.

Tuntasnya,pihak pentadbiran kolej sangat mementingkan kebajikan dan keselamatan mahasiswa secara holistik.

PENTADBIRAN





LAPORAN KHAS

we start to make changes to OUR nation

and today we are
THE GUARDIAN OF THE NATION

1970
2015

45th Year Anniversary of UKM :: 18 May 2015

18 Mei, 1970, impian segenap lapisan masyarakat dijemakan. Gegaran penubuhan UKM terasa diseluruh pelusuk negara. Tidak dapat digarab dengan perkataan apa yang terdetik di sanubari setiap rakyat disaat penubuhan UKM 45 tahun yang lalu. Harapan yang begitu tinggi. Hampir separuh isi rumah negara pada ketika itu masih bergelumang dengan kemiskinan, mengharapkan kehidupan yang lebih selesa. Malaysia meletakkan harapan yang tinggi keatas UKM untuk mencorakkan masa depan negara. Membina kesarjanaan yang memanfaatkan semua.

Ukurlah kejayaan kita merealisasikan amanah dan misi ini dalam setiap tindakan kita. Sejauh mana amanah negara telah kita

ciptakan? Ini tanggungjawab kita semua yang bergelar Warga UKM. Bukan calang-calang amanah dan misi yang kita dukung. Berat sekali, namun insyaAllah dapat kita tunaikan kiranya kita laksanakan bersama. 45 tahun telah mendewasakan UKM. Amanah dan harapan negara perlu ditafsir seiring dengan cabaran semasa dan mendatang. Tahap sosio-ekonomi yang lebih tinggi, keperluan dan kehendak masyarakat yang lebih canggih, lanskap persekitaran dan persaingan yang lebih getir memerlukan kita semua bersedia dan berani untuk membuat perubahan dan memikul tanggungjawab baru yang umumnya lebih mencabar.

Banyak kelaziman yang terbina perlu dinilai dan dicor-

terus relevan, dirujuk dan dihormati kewibawaannya. Menjadi pencetus, peneraju dan pendorong untuk seluruh negara berganjak ke era pembangunan yang baru. Kekuatan setiap warga perlu digembeling bersama sebanyak yang mungkin. Kita perlu tingkatkan integrasi ilmu, kepakaran dan kesarjanaan merentasi disiplin bagi mencipta penyelesaian yang bermakna dan tawaran yang bernilai tinggi. Kita perlu struktur pengoperasian yang menggalakkan integrasi ini. Kita mesti meletakkan penghasilan impak yang tinggi untuk semua pemegang taruh. Mencabar kelaziman secara sistematik dengan daya inovasi dan kreativiti yang tinggi perlu menjadi lumrah dikalangan kita. Enam (6) keberhasilan

"Sebagai pendaulat amanah negara, yang dibentuk oleh asal usul sejarah kita dan sensitif kepada keperluan abad ke 21, Universiti Kebangsaan Malaysia mengilham harapan dan mencipta masa depan"

Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali

45
tahun
Ulang Tahun UKM
18 Mei 2015

Peta perjalanan sejarah untuk membina sebuah universiti yang berteraskan kaum Melayu cukup lama, bersimpang siur, bermasalah dan penuh kesulitan. Ia telah melalui pelbagai tahap perkembangannya serta melibatkan ramai cendekiawan dan pemikir. Oleh itu, apabila Universiti Kebangsaan Malaysia secara rasmi pada 18 Mei 1970 ditubuhkan, ia mengungkapkan bukan sedikit bingkisan sejarah dan impian bangsa Malaysia sendiri.



Dengan pembinaan tapak sementara Universiti di Lembah Pantai, Kuala Lumpur, kemudian di kampus tetapnya di Bandar Baru Bangi sangat dinantikan oleh pejuang jati negara ketika itu. Hasil cetusan idea pada dekad kedua abad ke-20 oleh Encik Zainal Abidin bin Ahmad (atau lebih dikenali sebagai Pendeta Za'ba) dan Abdul Kadir Adabi juga hasil kesedaran terhadap kedhaihan pendidikan rakyat terbanyak (Mohd Zahari Daud).



Pendeta Za'ba (1895-1973) yang merupakan seorang ahli bahasa yang banyak menyumbang kepada perkembangan bahasa Melayu ketika itu telah menyarankan penubuhan sebuah pusat pengajian bertaraf universiti ditubuhkan untuk menampung ribuan lulusan sistem persekolahan melayu yang ketika itu tidak dapat meneruskan pengajian. Beliau sangat yakin dengan keupayaan bahasa melayu sebagai bahasa ilmu tinggi telah menyarankan penggunaan Bahasa Melayu secara menyeluruh sepanjang pengajian.

Kenyataan beliau ini telah disokong Encik Abdul Kadir Adabi (1901-1944) yang mencadangkan supaya sebuah universiti

ditubuhkan khusus untuk orang Melayu. Walaupun Encik Abdul Kadir tidak menyebut secara jelas berkenaan bahasa pengantar bagi universiti ini, tetapi para pengkaji sejarah menyimpulkan Encik Abdul Kadir secara bijaksana telah mengaitkan idea penubuhan universiti ini dengan keperluan pendidikan orang Melayu dan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Cetusan idea bersejarah ini tidak menarik perhatian penjajah British dan pembesar Melayu yang rapat dengan British. Mereka memberi alasan rakyat kebanyakan tidak akan yakin dengan idea ini, walhal dasar penjajah itu sendiri tidak memberi ruang pelajaran tinggi kepada rakyat di Tanah Melayu ketika itu. (Mohd Zahari Daud)

Idea ini bagaimanapun disambut baik oleh Persekutuan Guru-Guru Melayu Semenanjung yang mahukan pendauletan Bahasa Melayu di segenap peringkat universiti biarpun idea ini tidak mendapat restu pemerintah ketika itu. Idea gagasan ini terus dihangatkan sepanjang sekitar dekad empat puluhan dan lima puluhan oleh pihak Persekutuan yang berusaha untuk mengangkat bahasa Melayu di pentas pendidikan kebangsaan negara sendiri.

Pihak Persekutuan Guru-Guru Semenanjung gigih meningkatkan darjat persekolahan aliran Melayu sehingga ramai di kalangan para pelajar Melayu berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat universiti khususnya ke luar negara.

Ia membuahkan hasil apabila ramai anak bangsa yang telah melanjutkan pelajaran ke luar negara dahulu kembali berkhidmat di dalam negara selepas era kemerdekaan dan melontarkan idea-idea yang bernas. Pada tahun 1963, Seminar Bahasa dan Sastera telah diadakan. Resolusi di akhir seminar ini adalah menuntut penubuhan sebuah universiti 'benar-benar bercorak kebangsaan' dengan dikemukakan hujah-hujah jelas yang dipetik daripada fakta dan kenyataan sejarah negara. Juga tuntutan kepada penubuhan sebuah 'Universiti Islam' juga turut dibahaskan. Tuntutan-tuntutan ini diulang-ulang dan perbincangan mengenai penubuhannya dibentang kembali secara terperinci sehingga ia dimuktamadkan pada tahun 1968.



Jawatankuasa Penubuhan UKM ditubuh

Pada Jun 1968, beberapa orang cendekiawan Melayu telah bertemu, berunding-bang-saran lalu mengagungkan pemikiran dan pendapat masing-masing di samping membawa isihati rakyat negara ketika itu. Zainal Abidin Wahid, A. Bakar Hamid, Tunku Shamsul Bahrin, Zain A. Majid, Mohd. Ghazali A. Rahman, S. Husin Ali dan sekadar menyebut beberapa nama kemudiannya menukilkan konsep Universiti yang dituntut oleh mereka dalam konteks realiti negara yang baru berusia sepuluh tahun ketika itu. Tidak ketinggalan golongan yang menuntut penubuhan sebuah universiti Islam yang dipimpin oleh Allahyarham Dr. Ungku Omar turut berganding bahu dengan kumpulan penaja penubuhan universiti beraliran kebangsaan ini. Kata sepakat dicapai. Tuntutan penubuhan sebuah universiti aliran Melayu dan "universiti yang benar-benar bercorak kebangsaan" dan sebuah



"Universiti Islam" telah berpadu yang kemudian melahirkan penubuhan bermakna selang tiga tahun kemudian.

Dalam pada itu, idea gagasan bersejarah ini telah disambut dengan baik oleh persatuan-persatuan penulis, budaya, belia, pelajar, mahasiswa dan pendidik, lalu dikembangkan dalam kesedaran dan pandangan sejarah bangsa Melayu. Dikisahkan pada detik tersebut kemaraan kehebatan dan gelojak hati rakyat tidak lagi dapat ditahan. Di mana-mana rakyat sibuk berbicara akan penubuhan sebuah universiti bercorak kebangsaan, di mana pensyarahnya sendiri bakal mengajar anak bangsa mereka sendiri. Rakyat ketika itu juga menginsafi akan hak mereka untuk menubuhkan sebuah universiti 'rakyat' mereka sendiri.

Pada 25 Ogos 1968, sebuah Jawatankuasa Penganjur Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia secara rasmi telah ditubuhkan. Tokoh yang terlibat ialah Zainal Abidin Wahid, Abu Bakar Hamid, Tunku Shamsul Bahrin, Syed Husin Ali dan lain-lain. Hasil usaha yang komited daripada jawatankuasa penaja ini telah melakarkan sebuah sejarah yang sangat bermakna buat semua.

18 Mei – Tarikh Keramat

Tarikh keramat 18 Mei 1970, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah ditubuhkan secara rasmi. Kampus semmentaranya terletak di Lembah Pantai, Kuala Lumpur sebelum dipindahkan ke Bandar Baru Bangi setelah bangunan siap. Universiti ini hasil gabungan citarasa 'kebangsaan' dan 'Islam'. Pelajar sulungnya seramai 192 orang. Terdapat tiga buah fakulti perintis iaitu Fakulti Sastera, Fakulti Sains dan Fakulti Islam.



Penubuhan UKM ini telah disulami dengan pasak yang jelas iaitu Falsafah UKM yang menjadi kebanggaan warga Universiti. 'Paduan antara iman kepada Allah dengan ilmu yang bermanfaat serta gabungan antara teori dengan amal adalah dasar utama bagi perkembangan ilmu, proses pembinaan masyarakat terpelajar dan pembangunan' Universiti' adalah jelas implementasi visi yang jelas yang mudah dihadami setiap warganya agar bergerak seiring dengan aspirasi hasrat mulia pelopor penubuhan UKM suatu ketika dahulu yang menginginkan sebuah 'Universiti Islam bercorak Kebangsaan'.

Juga asas penubuhan Universiti yang disebut di semasa perasmian Universiti pada 18 Mei 1970 lalu, yang terang-terang menyebut, 'penubuhan UKM adalah demi mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa ilmu.' UKM juga diletakkan sebagai kemuncak dalam mengukuhkan sistem pelajaran kebangsaan di samping meletakkan sasaran melahirkan warganegara yang setianya kepada negara ini. Di samping UKM berperanan menampung lulusan sekolah menengah aliran Melayu ia juga memainkan peranan mengeluarkan siswazah yang sihat, berpandangan serta berfikiran luas. Bak kata Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) UKM yang juga merupakan Profesor Ulung Negara, Prof. Dato' Dr. Shamsul Amri Baharuddin, "Universiti ini merupakan tapak semaian ahli akademik universiti baru di Malaysia."

Noor Azlan membawa khlayak menjejaki zaman awal penubuhan gedung ilmu (tentunya UKM sendiri) yang dipersenda dan diperkotak-katikkan. Kata Noor Azlan:

Bintang-bintang Berpuisi

Siapakah yang pernah menduga,
Di tanah inilah kita pernah bermimpi,
Sebuah istana ilmu kan megah berdiri,
Namun impian ini diperdengarkan,
Tak mungkin menjadi nyata kata mereka,
Siapakah yang pernah menduga,
Di tanah inilah bapa-bapa menggenggam bara,
Walau dicemuh dan dinista,
Maruah bangsa harus perkasa,
Nasib sendiri harus dibela,
Siapakah yang pernah menduga,
Dalam payah dan sengsara,
Dalam keringat dan air mata,
Istana ilmu impian terbina jua,
Di jalan berliku penuh luka,
Siapakah yang pernah menduga,
Dalam cemuh dan nista tiada henti,
Istan ilmu yang kamu bina



NC TURUN PADANG...



Sayang pada pelajar mendorong VC hadir tanpa sebarang makluman ke KUO di pagi yang masih hening hari ini. Langkah pertama dituju adalah mengunjung ke blok C untuk melihat dan mendengar kalau-kalau deruan air sudah mengalir lebih laju dari semalam. Bertemu Mohd Taufik di bilik air OKU, gembira kerana ada air di bilik OKU dan beberapa aras blok C dan D. Kata pepatah alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan, lawatan tak diduga itu mendorong VC menyelongkar jauh ke bilik Saifuddin dan Jalib serta jauh ke laluan pejalan kaki, pangsarama dan kafeteria dan kesemua kemudahan termasuklah tandas, bilik pelajar dan surau kolej. Berikut merupakan sedikit komen Dato VC: "Bilik Saifuddin dan Jalib kemas", "KUO kemas dan teratur", "Very clean KUO- tahniah KUO" dan "good breakfast ready".

Ketika saya tiada di kolej iaitu masih di Sabah, lawatan mengejut sebegini mencemaskan tapi bila semua pihak di KUO bekerjasama, inilah hasilnya. Saya ucapkan terima kasih pada semua Felo, MEP, seluruh pelajar KUO yang menghargai alam persekitaran mereka, ujar Dato VC.

Lawatan Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, Naib Canselor UKM yang bersendirian hadir menziarahi pelajar dan mendengar sendiri pengalaman pelajar berkenaan isu air ini di Kolej Ungku Omar dan beberapa kolej lain. Kehadiran dan usaha demi usaha yang dilakukan oleh Naib Canselor dan pegawai Universiti amatlah dihargai. Sekiranya mahasiswa mempunyai halangan untuk berwudhu', membersihkan diri boleh terus menghubungi Pengetua, Pengurus atau Ketua Felo, insyaAllah bekalan air ke tangki statik akan dilakukan. Usaha yang berterusan akan dilakukan oleh UKM.

Lawatan Dato' NC ke kolej KAB, KUO, KBH, KKR dan juga KKM. Lawatan bertujuan melihat perkembangan kumpulan Geoglogi utk analisis buat "tubewell" di beberapa tapak. Juga kemungkinan membuat paip dari KIY. Memang prihatin Dato' NC kita. Terima Kasih.



BERSATU BERTAMBAH MUTU

2 September 2014 menjadi tarikh yang penting buat lebih 100 orang mahasiswa/i baru selepas memasuki fasa kehidupan yang baru selepas pra-universiti. Satu program telah dijalankan untuk mahasiswa/i baru ini untuk menyesuaikan diri seterusnya dapat berdikari selepas lima hari program yang dinamakan "Minggu Mesra Mahasiswa/i" (MMM). Selain ingin membantu golongan baharu ini, tujuan program ini juga dilakukan untuk memperkenalkan barisan-barisan pemimpin



Terdapat beberapa aktiviti yang telah dilakukan seperti membuat model maskot kolej, pertandingan drama sempena Hari Kemerdekaan, sesi suai kenal, PERANG DECTAR dan lain-lain. Aktiviti-aktiviti ini berjaya memupuk nilai kerjasama, tanggungjawab, menepati masa, dan berdikari.

Kesimpulannya, program Minggu Mesra Mahasiswa/i ini sangat berguna untuk semua pihak. Semoga program ini terus dijalankan pada masa hadapan supaya pelajar baru dapat membina potensi sebenar dalam diri.

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PROGRAM ANJURAN UKM

PROGRAM HARI BERSAMA PENTADBIR

Program ini diadakan untuk mahasiswa Semester Satu Sesi 2014/2015. Ia merupakan salah satu inisiatif para pentadbir untuk mendekatkan diri dengan para mahasiswa Tahun Satu Sesi 2014/2015 Kolej Ungku Omar. Antara para pentadbir yang terlibat ialah TNC HEPA, Pengetua Kolej, staf pentadbiran kolej, mahasiswa dan lain-lain. Selain itu juga dikenali sebagai satu landasan kepada mahasiswa untuk mengetahui pelbagai perkara mengenai Universiti Kebangsaan Malaysia. Di samping, membuka peluang kepada mahasiswa baru untuk menanyakan pelbagai soalan yang bermain di fikiran mereka mengenai UKM. Di dapati program ini berjaya menambah ilmu pengetahuan mahasiswa mengenai liku-liku kehidupan di UKM serta sistem pentadbiran yang digunakan di UKM. Akhir sekali, diharapkan agar program seperti ini dapat dijalankan pada sesi-sesi akan datang demi menjaga kebajikan pelajar UKM.



PROGRAM HARI BERSAMA PELANGGAN

Program Hari Bersama cadangan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh Pelanggan adalah program mereka. Dengan ini, ia di mana telah menunjukkan keprihatinan Pengetua dapat mengeratkan lagi Kolej, En.Nik Hairi Omar hubungan antara pihak berserta para barisan pentadbiran dengan pentadbiran kolej. Sepanjang program ini berlangsung, mahasiswa telah berpeluang untuk mengadu masalah yang dihadapi di kolej kediaman masing-masing. Bukan itu sahaja, mahasiswa juga diberi peluang untuk memberi pendapat berkenaan



mahasiswa kolej kediaman di samping mewujudkan kesefahaman antara satu sama lain. Melalui program ini, pihak pentadbiran dapat mengetahui masalah yang dihadapi oleh mahasiswa di kolej kediaman ini. Diharapkan agar selepas mendengar permasalahan ini, pihak pentadbiran dapat menyelesaikan masalah ini dengan cepat dan sebaik mungkin. Pihak pentadbiran dapat menyelesaikan masalah ini dengan cepat dan sebaik mungkin.

Pada tanggal 21 November hingga 30 November 2014, telah berlangsungnya Kejohanan Sukan Universiti Malaysia di Kompleks Sukan Universiti Kebangsaan Malaysia di Kampus Induk Bangi. Kejohanan ini merupakan pertandingan sukan tahunan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan Universiti Kebangsaan Malaysia di antara kolej-kolej kediaman di Universiti Kebangsaan Malaysia. Kolej-kolej kediaman dari kampus cawangan UKM iaitu Kampus Cheras dan Kuala Lumpur juga turut serta kejohanan ini. Sekretariat khusus telah diwujudkan bagi membantu pengurus biro untuk menyediakan dan melengkapkan alatan sukan bagi peringkat kolej kediaman. Kejohanan ini adalah bertujuan untuk mencungkil bakat mahasiswa untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi.

Acara sukan di padang seperti bola sepak, bola baling dan ragbi sehingga acara sukan di gelanggang seperti badminton, bola keranjang dan sepak takraw telah dijalankan. Kolej Ungku Omar juga telah menurut serta kejohanan ini dan telah memenangi empat buah pingat gangsa, lima buah pingat perak dan tiga buah pingat emas. Antara acara sukan yang telah memenangi pingat gangsa ialah Sofbol (Lelaki) dan Futsal (Lelaki) dan yang telah memenangi pingat perak pula ialah acara sukan Silat dan Bola Keranjang (Wanita). Acara sukan yang telah memenangi pingat emas ialah Bola Baling (Lelaki), Woodball (Wanita) dan Tenis (Wanita).

Kolej Ungku Omar juga telah menyertai Pertandingan Perbarisan untuk Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Universiti Kebangsaan Malaysia. Peserta telah mengenakan baju kemeja T Kolej Ungku Omar sebagai uniform untuk persembahan perbarisan ini. Peserta-peserta Kolej Ungku Omar telah melakukan tarian, termasuk tarian zumba yang telah menghiburkan penonton. Ini telah memberikan peluang kepada kumpulan perbarisan Kolej Ungku Omar memenangi tempat ketiga dalam pertandingan tersebut.

Kejohanan ini telahpun mencapai matlamat untuk melahirkan mahasiswa yang aktif dan proaktif dan silaturrahim mahasiswa boleh dilihat lebih kukuh berbanding sebelumnya.



LATIHAN KEBAKARAN

Pada pertengahan Semester 12014/2015 Sekreteriat Keselamatan telah mengadakan Program Fire Drill untuk KUO. Program ini telah melibatkan semua penghuni KUO dan dilakukan di gelanggang futsal kolej.

Selain itu, program ini telah dijayakan lagi dengan pihak polis dan bomba. mereka telah dijemput khas untuk memberikan beberapa penerangan dan langkah-langkah yang perlu dilakukan jika berlaku sebarang kejadian kecemasan di kolej. Antara kejadian yang mungkin berlaku ialah kebakaran, runtuhan dan banyak lagi. Ini secara tidak langsung telah meningkatkan lagi tahap kesedaran penghuni kolej tentang keselamatan.

Antara tujuan program ini diadakan ialah bagi memberi kesedaran kepada penghuni kolej bahawa kejadian kecemasan mungkin akan berlaku tidak kira masa dan juga tempat. Seterusnya, prgram ini dapat memupuk nilai waspada



dan tanggungjawab penghuni kolej ini terhadap kolej.

Program ini telah dijalankan dengan mengumpul semua pelajar di tempat kecemasan dengan membuat beberapa letupan dan kebakaran kecil. Pihak polis dan bomba telah membantu untuk mengawal kebakaran dan letupan tersebut supaya tidak berlaku sebarang perkara yang tidak diingini. Terdapat beberapa masalah yang dihadapi semasa program berlangsung antaranya pelajar enggan keluar dari-

pada bilik, tidak mendengar arahan dan lain-lain lagi.

Akhir sekali, Sekreteriat Keselamatan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan baik dan menjayakan program ini. Sekalung penghargaan diberikan kepada barisan felo-felo dan juga pihak atasan yang turut membantu menjayakan program tersebut.



PENGUASAAN BAHASA 'MAT SALLEH'



Antara program yang menarik dijalankan di Kolej Ungku Omar ialah 'English Talk'. Untuk pengetahuan semua, program ini telah dianjurkan oleh Sekretariat Akademik. Pelajar Master telah dijemput sebagai tenaga penceramah untuk program ini yang telah berlangsung di Foyer Kolej Ungku Omar.

Program ini telah memberi manfaat kepada mahasiswa terutama dalam penggunaan Bahasa Inggeris. Di samping itu, mahasiswa juga didedahkan dengan cara-cara bagaimana untuk menguasai Bahasa Inggeris dan menggunakannya secara efektif dalam kehidupan seharian. Selain itu, program ini dapat menyedarkan mahasiswa terhadap kepentingan berbahasa Inggeris.

Bukan itu sahaja, dalam program ini juga diselitkan beberapa tip yang berguna kepada mahasiswa dalam berkomunikasi dengan mereka yang panas baran. Mahasiswa juga berpeluang mendengar pengalaman penceramah dalam mempelajari Bahasa Inggeris sepanjang kehidupan beliau.

Program seperti ini haruslah diteruskan pada tahun-tahun akan datang kerana ia sangat bermanfaat kepada mahasiswa dalam membina keyakinan menggunakan Bahasa Inggeris pada masa hadapan.



PROGRAM MOBILITI

Taklimat Program Pertukaran Pelajar

Taklimat ini di adakan bertujuan untuk memberi penjelasan kepada pelajar mengenai jenis/kategori program mobiliti pelajar yang dijalankan di luar negara (outbound). Program Mobiliti Pelajar Outbound bertujuan menyediakan peluang kepada pelajar UKM untuk melengkapkan pengalaman pendidikan dengan mengikuti program akademik yang ditawarkan di dalam dan luar Malaysia.

Program Mobiliti Pelajar juga mempunyai impikasi yang besar dalam meningkatkan Global Competency pelajar di samping memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar dengan pengalaman luar negara.

Melalui program ini, ia dapat memperluaskan pengalaman pendidikan bagi pelajar UKM. Selain daripada itu, ia juga memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kefahaman mereka mengenai isu dan perspektif global berkaitan dengan bidang ilmu yang diceburi. Ia juga membolehkan pelajar mengamalkan ilmu yang dipelajari serta mengilumkan apa yang diamalkan.



Program Mobiliti Pelajar di UKM telah berlangsung sejak sekian lama di bawah kelolaan Pusat-pusat Tanggungjawab yang berbeza.

Melalui taklimat ini, pelajar memperoleh banyak info yang sangat berguna dan jika pelajar ingin merasai pengalaman belajar di Negara lain, bolehlah mengikut proses yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.

OMARIAN CARE

Membeli Sambil Menderma

Program ini merupakan anjuran Sekteriat Kerohanian & Sivik. Program ini berlangsung pada 7 Disember 2014 pada pukul 12.30 tengah hari. Ini merupakan program pertama Omarian Care, dimana mereka menjual makanan dengan harga yang murah. Hanya RM2.00 mahasiswa/i akan memperolehi makanan yang cukup berkhasiat lengkap dengan nasi campur, air dan juga buah. Program ini sangat sesuai "Sambil Membeli Sambil Beramal"

Makanan yang dijual ini dimasak sendiri oleh ahli Sekteriat Kerohanian & Sivik. Mereka telah bergotong-royong seawal pukul 8.00 pagi untuk menyiapkan juadah tengah hari ini. Perkara paling menarik adalah lauk istimewa turut disediakan.



Makanan ini dijual dengan harga yang murah adalah untuk membantu mahasiswa/i. Ia sangat membantu kerana mahasiswa/i dapat menjimatkan perbelanjaan seharian. Selain daripada harga yang murah, makanan yang disediakan juga sangat sedap.

Pada 24 Mei 2015 sekali lagi Sekteriat Kerohanian & Sivik mengadakan program Omarian Care untuk kali kedua. Tujuan dan konsep yang digunakan sama seperti program pertama. Diharapkan agar program seperti ini terus dapat dilaksanakan bagi mendidik peribadi mahasiswa/i yang unggul. Budaya menderma perlu diterapkan didalam diri setiap mahasiswa/i.

RAIN-WATER HARVESTING

Rain water harvesting atau nama lain satu sistem tadahan air hujan. Perkara ini tidak asing lagi kerana boleh dilihat melalui sejarah terdahulu. China- Pada tahun 1970an, teknologi baru mengenai sistem ini telah dibangunkan di mana air ribut telah disimpan di dalam tangki simpanan dengan baik dalam bentuk kolam yang berbeza saiz. Lapisan tanah liat merah yang nipis telah digunakan untuk melapisi bahagian bawah kolam untuk mencegah resapan dan pokok-pokok telah ditanam di sekitar kolam untuk mengelakkan penyejatan yang melampau. Lebih 40,000 sistem ini telah dibina di dataran tinggi China.

Definisi "rain-waterharvesting" boleh ditakrifkan sebagai proses pengumpulan dan penyimpanan air hujan yang mengalir dari permukaan semulajadi atau tadahan buatan manusia supaya sejumlah kuantiti air boleh didapati untuk digunakan sehingga hujan yang seterusnya.



5 fungsi utama sistem tadahan air hujan ini adalah untuk :

1. Meningkatkan aliran air bawah tanah.
2. Mengurangkan kemasukan air laut di kawasan pantai.
3. Menyediakan sumber air untuk manusia dan haiwan ternakan.
4. Menyediakan sumber air untuk kegunaan makanan dan pertanian.

Selain itu, carta alir bagi alat tadahan ini dapat dikelaskan kepada 5 langkah.

LANGKAH 1: Air hujan akan turun melalui saluran corong.

LANGKAH 2: Air yang dikumpul akan diasingkan kepada tangki tadahan air hujan dantangi pembersihan.

LANGKAH 3: Air di dalam tangki tadahan akan digunakan untuk keperluan harian yang mana tidak memerlukan air yang dirawat.

LANGKAH 4: Air di dalam tangki pembersihan akan melalui proses yang mana air akan dialirkan melalui tanah untuk pembersihan dipanggil Aquifer.

LANGKAH 5: Air yang telah melalui proses pembersihan akan di pam ke dalam tangki simpanan untuk kegunaan harian.

Kesimpulannya, dapat diterangkan bahawa "rain-water harvesting" ini hanya memerlukan beberapa langkah yang mudah untuk dilaksanakan di samping dapat menyediakan kebaikan bagi pelajar di sekitar Universiti Kebangsaan Malaysia(UKM) sekiranya berlaku masalah air pada masa hadapan.

PROJEK CENDAWAN KOLEJ UNGKU OMAR



Untuk pengetahuan semua, projek ini telah diilhamkan dan dilaksanakan oleh Mohd Taufik Bin Abdul Jamil mahasiswa Kolej Ungku Omar. Di samping ia juga merupakan suatu program di bawah pengurusn Sekreteriat ICT. Gerak kerja bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar telah bermula pada Oktober 2014. Antara gerak kerja yang telah disempurnakan adalah membina bangsal cendawan yang dibantu oleh warga Kolej Ungku Omar yang lain. Turut turun padang bagi menjayakan gerak kerja ini ialah Pengetua Kolej, En.Nik Hairi.



Pada Oktober 2014. Antara gerak kerja yang telah disempurnakan adalah membina bangsal cendawan yang dibantu oleh warga Kolej Ungku Omar yang lain. Turut turun padang bagi menjayakan gerak kerja ini ialah Pengetua Kolej, En.Nik Hairi.

Dijangkakan projek ini akan memberi keuntungan yang tinggi kepada Kolej Ungku Omar. Hal yang demikian, melalui hasil projek ini ia dapat menjana dana untuk penggunaan kolej.

Projek seperti ini juga merupakan salah satu inisiatif daripada mahasiswa dalam menyumbangkan sesuatu yang bermanfaat kepada kolej serta penghuni Kolej Ungku Omar. Di samping, ia dapat mempamerkan pemikiran mahasiswa yang kreatif dan inovasi dalam sesuatu perkara.

Akhir kata, projek seperti ini adalah amat digalakkan dalam kalangan mahasiswa kerana ia dianggap suatu projek yang dapat mengekspresasikan keprihatinan mahasiswa terhadap kolej kediaman masing-masing. Di harap projek ini dapat berjalan dengan lancar agar hasrat



“BETTER THAN EVER”

Karnival Gempak Varia-C (KGV) merupakan salah satu program besar yang diadakan di Kolej Ungku Omar, Universiti Kebangsaan Malaysia pada semester kedua setiap sesi pengajian. Penganjuran karnival ini sebagai satu kesinambungan kepada karnival – karnival yang pernah dianjurkan oleh Majlis Eksekutif Pelajar (MEP) Kolej Ungku Omar sesi-sesi terdahulu.

Bertemakan “Untaian Kasih: Ukhuwah Cinta, Jalinan Mesra”, karnival yang bermula pada 20-22 Mac 2015 ini telah memberikan gambaran tentang jalinan dan perhubungan antara penghuni Kolej Ungku Omar yang kukuh, teguh dan sedia terjalin. Penganjuran karnival ini juga dapat dijadikan sebagai satu medium dan platform bagi menzahirkan lagi sikap perpaduan dalam kalangan mahasiswa/i, terutamanya di Kolej Ungku Omar. Menyedari betapa pentingnya peranan mahasiswa/i selaku penghuni dan kekuatan kolej kediaman, maka penganjuran karnival ini juga bermatlamatkan untuk melahirkan semangat kekeluargaan dan memupuk perpaduan sesama penghuni kolej yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa dan kepercayaan.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti ‘KUO Talent Show’, rumah hantu, pertunjukan motosikal berkuasa tinggi, ‘KUO Youth Challenge’, pertandingan futsal dan lain-lain. Program ini disambut dengan meriah sekali, walaupun terdapat saingan daripada kolej-kolej lain serata kampus.

Kesimpulannya, program ini haruslah diteruskan pada masa akan datang, dengan menyajikan aktiviti-aktiviti yang lebih mantap untuk menarik lebih ramai orang untuk sertai program ini.

LAPORAN KHAS



'A DROP OF HOPE'

Kempen Derma Darah ini telah berjaya dilangsungkan selama 4 hari bermula dari 20 April hingga 23 April 2015. Program ini telah berlangsung di Foyer Kolej Ungku Omar, UKM dengan bertemakan "A Drop of Hope". Penganjur bagi program ini adalah Bulan Sabit Merah Malaysia Det, 88C.

Bagi memastikan aktiviti ini berjalan lancar, persiapan sebelum aktiviti telah pun dilakukan. Antaranya ialah ketua program telah membuat permohonan hebahan dan permohonan sijil dan cenderamata.

Selain itu, ketua program juga harus memastikan setiap ahli jawatankuasa aktiviti menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna

Akhir sekali, kebaikan aktiviti ini ialah memupuk kesedaran tentang pentingnya tanggungjawab sosial serta men-erap sifat prihatin dan penyayng dalam kalangan mahasiswa selain dapat membentuk budaya agar mahasiswa menderma darah.



LADIES DAY

Program "Ladies Day" anjuran Sekteriat Hal Ehwal Siswi iaitu bual bicara bersama Ustazah Nik Salida yang bertajuk "Kahwin Muda". Program ini berlangsung pada 24 April 2015 pada pukul 8.00 malam. Bual bicara "Kahwin Muda", merupakan satu ceramah yang akan membincangkan perihal kahwin muda yang semakin menjadi pilihan orang ramai masa kini.

Program ini berlangsung di Dewan Anuwar Mahmud, Universiti Kebangsaan Malaysia dengan menjemput penceramah yang terkenal iaitu Ustazah Nik Salida. Menurut Siti Nur Izzati, pengarah program Ladies Day, "Program ini di adakan bertujuan untuk mengubah persepsi mahasiswa terhadap kahwin muda". Menurut Ustazah Nik Salida "Mahasiswa takut untuk berkahwin muda kerana bimbang untuk menghadapi komitmen dalam sesebuah perkahwinan". Mereka yang ingin berkahwin sewaktu belajar perlu berfikir sedalam-dalamnya kerana perkahwinan merupakan komitmen sepanjang hayat dan perkahwinan menjurus kepada persediaan memikul tanggungjawab dan membangunkan institusi keluarga serta masyarakat.

Program Ilmu anjuran Sekteriat Hal Ehwal Siswi ini sedikit sebanyak telah mengubah persepsi mahasiswa terhadap kahwin muda. Dimana perkahwinan diawal usia dapat mencegah daripada berlakunya perkara yang negatif. Program sebegini juga, merupakan satu program pembangunan insaniah dalam memberi kesedaran kepada mahasiswa tentang kebaikan kahwin muda.



Fiesta Juadah Antarabangsa dan Pameran Inovasi

Pada 5 Mei yang lepas, Sekreteriat Integritas Perpaduan Kaum dengan kerjasama Sekreteriat Inovasi telah melaksanakan satu program iaitu Pesta Juadah Antarabangsa dan Pameran Inovasi yang diadakan di Bangunan Pusanika. Juadah yang disediakan adalah dari beberapa negara antaranya ialah China, Jepun, Khazakthan, Iraq dan beberapa negeri lain. Setiap juadah makanan yang dihidangkan adalah melambangkan negeri tersebut.

Manakala, pameran inovasi setiap sekreteriat diminta untuk menghasilkan satu inovasi. Disini dapat dilihat setiap sekreteriat menghasilkan pelbagai inovasi antaranya ialah meja serbaguna, kerusi mahabbah, rak kasut, perangkap monyet, penyangkut kasut. Turut dipamerkan projek "Rain Harvesting dan Projek Cendawan. Pameran Inovasi di-menangi oleh Sekreteriat Keselamatan dengan idea inovasi "Perangkap Monyet" dengan cara mencampurkan kacang dan belacan kerana kacang adalah kegemaran bagi si monyet, namun belacan adalah sesuatu perkara yang amat tidak disukai oleh si monyet. Dari itulah mereka mendapat idea untuk mencipta inovasi ini.



CERITERA CINTA: CO'IN DAN MONYET



Inovasi yang dihasilkan oleh pelajar tahun dua Fakulti Kejuruteraan Alam Bina (FKAB) mungkin menjadi solusi utama untuk menyelesaikan masalah monyet yang sering berkeliaran dan merosakkan harta benda awam di kawasan kolej-kolej di dalam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi.

Penghuni Kolej Ungku Omar iaitu Muhammad Solihin Hamzah telah meraih Anugerah Inovasi Terbaik sempena Fiesta Juadah Antarabangsa dan Pameran Inovasi Kolej Ungku Omar (KUO) yang telah diadakan pada 6 Mei 2015 di Pusanika Aras 6, UKM Bangi.

Saudara Muhammad Solihin (Co'in) telah mencipta alatan yang mampu menghalau monyet-monyet yang sering berkeliaran, mengotorkan kawasan kolej dan mengganggu para pelajar. Co'in telah menggunakan bahan-bahan yang amat mudah diperolehi iaitu belacan dan kacang. Penggunaan bahan yang sangat mudah didapati ini telah berjaya menarik perhatian Timbalan Naib Canselor, Prof. Datin Dr. Noor Aziah Mohd Awal dan lantas hasil Co'in dan rakannya dipilih menjadi inovasi terbaik.

Usaha gigih Co'in ini mengambil masa sebulan untuk dikenalpasti apa yang tidak menjadi kegemaran dan ditakuti oleh monyet-monyet ini. Beliau juga mengeksperimentasikan bahan-bahan di bawah pokok-pokok di sekitar kolej.

Sehubungan dengan itu, bagi menjamin keberhasilan alatan penghalau monyet ini, Co'in menyatakan bahawa eksperimen lanjut perlu dilakukan bagi mengkaji komposisi yang tepat dalam belacan yang digunakan. Beliau berharap untuk menemukan kaedah lain yang lebih sesuai dan strategik yang boleh digunakan untuk menghasilkan produk ini kelak.

Tambahan lagi, menurut Pengarah Projek Fiesta Juadah Antarabangsa dan Pameran Inovasi Kolej Ungku Omar, M Dineshni Muthukumar menyatakan bahawa terdapat 19 lagi penyertaan untuk pameran inovasi ini termasuklah Pengumpul Air Hujan, Penghias Lampu Kitaran Semula dan Makanan Rumpai Laut.

Tuntasnya, diharapkan lagi hasil inovasi yang boleh mengharumkan nama kolej dan universiti kita di mata dunia.

PROGRAM SENTUHAN MAHABBAH

Program Sentuhan Mahabbah merupakan program yang akan dianjurkan oleh Sekretariat Kerohanian dan Sivik Kolej Ungku Omar, UKM yang diadakan di Pertubuhan Kebajikan Warga Tua Nurul Saadah, Besut Terengganu. Program ini dilaksanakan selama tiga hari bermula pada 8 hingga 10 Mei 2015.

Program ini bertujuan mendedahkan Mahasiswa/i kepada pengenalan dan pengalaman mengenai sikap yang sentiasa memberi komitmen terhadap golongan yang memerlukan. Selain itu, penganjuran ini juga bertujuan untuk menerapkan nilai positif dan sentiasa menghargai apa yang dimiliki oleh setiap individu seperti yang dihadapi oleh golongan warga emas.

Antara aktiviti yang dilakukan sepanjang program ini berlangsung ialah Penyerahan Anak Angkat, Pertandingan Menjahit Apron, Senamrobik, Slot Inovasi: Perangkap Nyamuk, Qiyamulail, Gotong royong bersama wakil rakyat, dan sukaneka.

Penganjuran program ini turut bertepatan dengan konsep penyayang dalam Islam untuk menjaga kebajikan golongan istimewa ini kerana pengorbanan yang telah diberikan sepanjang kehidupan mereka.



"TEGUH, SETIA, BERSATU"



Kelab Xtreme-C Kolej Ungku Omar UKM merupakan salah satu kelab yang aktif dan telah berdaftar di KUO. Kelab ini merupakan sebuah kelab yang menjalankan aktiviti luar dan juga bergerak seiring dengan hasrat KUO. Kelab ini juga sentiasa menyokong aktiviti dan program yang dijalankan oleh Kolej Ungku Omar (KUO) dan juga Universiti Kebangsaan Malaysia. Moto Kelab Xtreme-C ialah 'Esprit The Corps'. Aktiviti tahunan kelab ini merupakan aktiviti yang wajib disertai oleh setiap mahasiswa yang menyertai kelab ini. Keistimewaan kelab ini adalah pengambilan ahlinya perlu melalui pelbagai peringkat termasuklah temuduga yang dijalankan oleh majlis tertinggi dan exco Kelab Xtreme-C ini.

Aktiviti tahunan yang dijalankan oleh kelab ini merupakan aktiviti yang wajib disertai oleh ahli kelab, antaranya ialah interaksi Kelab Xtreme-C yang merupakan program pengenalan kepada ahli baru yang menyertai kelab ini. Program seterusnya yang diadakan oleh Kelab Xtreme-C adalah Annual Camping yang merupakan aktiviti kedua sebagai aktiviti tahunan kelab. Namun, pada sesi 2014/2015 terdapat penambahan aktiviti yang merupakan aktiviti yang julung kalinya diadakan antaranya ialah Xtreme Race dan Family Day. Program Xtreme Race merupakan satu program yang berbentuk explorace yang diadakan di kawasan kampus UKM, Bangi. Antara tujuan program explorace ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kerjasama di dalam kumpulan untuk menyelesaikan masalah yang diberikan dalam melengkapkan tugas yang diberikan. Program Family Day merupakan program yang dijalankan oleh pelajar tahun satu dan antara program yang julung kali diadakan. Idea untuk menjalankan program ini adalah untuk merapatkan

“GO BEYOND YOUR IMAGINATION!”

Dream Resonance III telah diadakan pada 16 Mei 2015 bertempat di Dewan Anwar Mahmud (DAM). Program ini telah dijayakan oleh Sekretariat Akademik dan English Speaking Zone bersama Sekretariat Kebudayaan dan Warisan Kolej Ungku Omar.

Program ini adalah satu program pertandingan persembahan yang mewajibkan para peserta menggunakan Bahasa Inggeris dalam persembahan mereka tidak kira apa bentuk persembahan yang mereka akan lakukan. Program ini telah disertai oleh semua sekretariat Kolej Ungku Omar.

Sepanjang program berlangsung, para peserta telah melakukan persembahan mereka dengan semangat dan semangat bekerjasama yang sangat baik antara semua ahli. Dengan ini, tujuan program dapat dicapai kerana salah satu daripada tujuan program ini adalah untuk memupuk semangat kerjasama selain daripada meningkatkan keyakinan para mahasiswa menggunakan Bahasa Inggeris di hadapan umum.

Program ini telah menjemput tetamu undangan iaitu Roy untuk menjadi juri selain daripada barisan Felo-felo Kolej Ungku Omar. Ini secara tidak langsung telah meningkatkan lagi semangat para peserta untuk membuat persembahan. Selain itu, kedatangan En. Jamalul Lail Abdul Wahab, Timbalan Pengetua Kolej Ungku Omar telah menambahkan lagi seri program ini.

Akhir sekali, setelah penat lelah mereka melakukan persembahan dengan sepenuh hati mereka telah terbalas dengan penyampaian hadiah buat pemenang. Sekretariat Kerohanian telah memenangi pertandingan ini, tempat kedua diduduki oleh Sekretariat Majlis Tertinggi dan tempat ketiga dimenangi oleh Sekretariat Sukan.



JOM KAHWIN !!!

Program ini merupakan sebuah program kerjasama antara Sekreteriat Informasi dan Penerbitan (ICT) Kolej Ungku Omar dengan Pusat Islam UKM. Program Kursus Pra-Perkahwinan ini adalah satu langkah awal untuk membantu mahasiswa/i dalam membina sebuah keluarga yang berlandaskan syariat Islam di masa hadapan. Kursus Pra-Perkahwinan ini bertujuan untuk memberi pendidikan dan pendedahan awal kepada pelajar yang akan mendirikan rumah tangga di masa hadapan. Kursus ini diharapkan dapat membimbing dan dijadikan panduan kepada mahasiswa/i dalam menghadapi kehidupan berkeluarga dan secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan permasalahan yang dihadapi oleh pasangan beragama Islam di dalam alam perkahwinan.

Kursus Pra-Perkahwinan ini telah berlangsung selama 2 hari dari hari Sabtu 23 Mei 2015 sehinggalah hari ahad 24 Mei 2015. Kursus ini berakhir pada jam 5 petang dan bertempat di Dewan Anuar Mahmud (DAM), Universiti Kebangsaan Malaysia. Majlis perasmian kursus ini yang disertai seramai 300 orang peserta dan dipimpin oleh Encik Mashrom Muda selaku Felo Kanan dan penasihat program, Mohd.Arif Jeffridin selaku Pengarah Program. Kursus ini telah dirasmikan oleh Pengetua Kolej Ungku Omar Encik Nik Hairi bin Omar. Antara objektif yang telah tercapai sepanjang pelaksanaan program adalah dapat memberi pendedahan awal kepada peserta mengenai alam perkahwinan.

Selain itu, ia juga mendedahkan cabaran dan rintangan serta penyelesaiannya di dalam mendirikan rumah tangga mengikut syariat Islam. Program ini sangat membantu kerana ia menjelaskan peranan dan tanggungjawab individu dalam sesebuah institusi kekeluargaan dan mewujudkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan pembentukan keluarga yang harmoni dalam usaha melahirkan generasi yang tinggi penghayatan agamanya.





SEKRETARIAT



SEKRETARIAT INFORMASI & PENERBITAN



HIERARKI

FELO

Lim Seng Joe

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Mohd. Taufik Abd Jamil

PENGERUSI

Mohamad Syafeeq Abdul Rahman

NAIB PENERUSI

Mohamad Ismail Rahman

SETIAUSAHA

Nawarhusna Nadia Busu

BENDAHARI

Noorain Sakarnor

AKTIVITI

- Mengadakan Hari Interaksi untuk ahli sekretariat baru.
- Menyertai Pesta Juadah Antarabangsa dan Hari Inovasi
- Bekerjasama dalam pelaksanaan bengkel protokol

LAPORAN

Pada tahun ini, sekretariat informasi dan penerbitan telah melakukan beberapa aktiviti yang berilmiah dan berinovasi di bawah pimpinan Mohd. Taufik Abd Jamil bersama penasihat Dr Lim Seng Joe untuk para penghuni Kolej Ungku Omar.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah menyertai program Pesta Juadah Antarabangsa dan Hari Inovasi dengan ciptaan meja serbaguna. Selain itu, bengkel protokol juga berjaya dilaksanakan dengan pelbagai ilmu baru diajarkan kepada mahasiswa/i di kolej. Tambahan pula, sekretariat informasi dan penerbitan ini terlibat secara keseluruhan dalam pelaksanaan majalah kolej.

Akhir kalam, sekretariat ini sangat aktif dalam sumbangan dan perkembangan Kolej Ungku Omar. Semoga sekretariat ini terus menjadi contoh yang baik kepada sekretariat lain dalam pelaksanaan tugas yang sempurna.

SEKRETARIAT INOVASI



HIERARKI

FELO

Tang Pei Ling

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Amar Affandi Aziz

PENGERUSI

Muhammad Hafiz Rahmat

NAIB PENGERUSI

Jenniver Junas

SETIAUSAHA

Samir Nasri

BENDAHARI

Yati Atirah Johari

AKTIVITI

- Kolaborasi bersama Sekretariat IPK untuk melakukan Pesta Juadah Antarabangsa dan Hari Inovasi 2015
- Melakukan Explorace untuk merapatkan hubungan antara ahli sekretariat
- Membuat mesyuarat agung untuk memilih ahli jawatankuasa baru

LAPORAN

Pada tahun ini, sekretariat inovasi telah maju ke hadapan dalam pelaksanaan pembangunan Kolej Ungku Omar secara signifikan. Beberapa aktiviti telah dijalankan.

Antara aktiviti tersebut adalah kolaborasi bersama Sekretariat IPK untuk melakukan Fiesta Juadah Antarabangsa & Hari Inovasi. Selain itu, sekretariat ini telah membuat pertandingan Explorace antara ahli sekretariat untuk merapatkan ukhwah.

Natijahnya, sekretariat ini sangat bergiat aktif dalam memastikan perkembangan kolej terus meningkat secara signifikan. Malah, diharapkan agar sekretariat ini mampu memberi persaingan hebat untuk mengalahkan sekretariat yang lain.

SEKRETARIAT AKADEMIK



HIERARKI

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR
Siti Rohayu Saroji

PENGERUSI
Mohamad Fahmi Yunos

NAIB PENERUSI
Li Na

SETIAUSAHA
Hazwani Sani

BENDAHARI
Karim bin Zema

AKTIVITI

- Mengadakan Hari Interaksi untuk ahli sekretariat baru.
- Pembukaan gerai semasa program Karnival Gempak Varia-C 2015
- Menyertai Hari Inovasi peringkat kolej
- Kolaborasi bersama Kelab ESZ untuk mengelola program 'English Talk'

LAPORAN

Pada tahun ini, sekretariat akademik telah melakukan beberapa program menarik untuk disajikan kepada seluruh warga Kolej Ungku Omar.

Program yang diadakan ini memberi fokus utama dalam akademik dan juga pengaplikasian dalam kehidupan harian sebenar, atau penggunaan dalam dunia korporat. Program yang dimaksudkan ialah 'English Talk' yang sekretariat ini berkolaborasi bersama Kelab ESZ. Tambahan pula, sekretariat ini telah melakukan aktiviti tahunan yang dinakan 'Dream Resonance' untuk edisi yang ketiga.

Sekretariat ini berharap agar sekretariat ini menjadi antara sekretariat yang terbaik, seterusnya mampu berdaya saing secara sihat antara sekretariat-sekretariat yang lain.

SEKRETARIAT HAL EHWAL LUAR & PENGANTARABANGSAAN (HELA)



HIERARKI

FELO

Muhammad Helmi Othman

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Mohamad Norazam Abdullah

PENGERUSI

Mohamad Farid Hakim Mohd. Ruf

NAIB PENGERUSI

Nuratiqah Zulkepli

SETIAUSAHA

Siti Nor Shahira Mohd Arazame

BENDAHARI

Najwa Hassan

AKTIVITI

- Menyertai program Hari Inovasi dan Juadah Antarabangsa peringkat kolej
- Menubuhkan 'Pasukan Sukarelawan Kolej Ungku Omar' untuk menyertai misi bantuan mangsa banjir di Pantai Timur

LAPORAN

Sekretariat keusahawanan terdiri daripada 11 ahli di bawah bimbingan felo dan majlis eksekutif pelajar.

Sepanjang tahun ini, sekretariat hal ehwal luar dan pengantarabangsaan telah melaksanakan beberapa program seperti Hari Interaksi untuk pelajar Tahun 'Family Day HELA' dan lain-lain.

Sekretariat ini berharap agar pasukan sukarelawan KUO dapat berkembang dan menjadi salah sebuah kelab berdaftar di KUO seterusnya menanam semangat kesukarelawan dalam diri setiap pelajar di kolej.

SEKRETARIAT INTEGRASI PERPADUAN KAUM (IPK)



HIERARKI

FELO

Mashrom Muda

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

M. Dineshni

PENGERUSI

Jenniver Junas

NAIB PENERUSI

Ismail Abd Khalil

SETIAUSAHA

Norhafizah Sahari

BENDAHARI

Nur Amarliena Mohd. Tarmizi

AKTIVITI

- Pembukaan gerai semasa program Karnival Gempak Varia-C (KGV) 2015
- Berjaya mendapatkan 1000+ 'likes' dalam 'page' Food Paradise 2015
- Melaksanakan Fiesta Juadah Antarabangsa & Pameran Inovasi 2015

LAPORAN

Sepanjang tahun 2015, sekretariat di bawah bimbingan felo dan majlis eksekutif pelajar yang komited, beberapa program yang menarik telah berjaya disempurnakan.

Antara program yang telah dijayakan ialah Fiesta Juadah Antarabangsa, Hari Interaksi, Majlis Pelantikan Jawatan Baru, 'Potluck' dan lain-lain.

Sekretariat ini berharap agar program yang sedia ada seperti Fiesta Juadah Antarabangsa akan menjadi lebih meriah dan semakin mantap. Selain itu, diharapkan agar hubungan kemanusiaan antara ahli sekretariat akan menjadi lebih bagus. Akhirnya, semoga sekretariat IPK menjadi sekretariat yang paling ceria dan aktif seterusnya membantu kolej menjadi lebih berkembang dan maju.

SEKRETARIAT KEBUDAYAAN



HIERARKI

FELO

Zulfadli Mohd Kamal

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Ainur Farahin Abdullah

PENGERUSI

Mohd Izuan

NAIB PENGERUSI

Nur Marlyana Binti Mohd Rosli

SETIAUSAHA

Suhaishah Binti Ibrahim

BENDAHARI

Wan Nur Firas Husnina Binti Wan Hussin

AKTIVITI

- Mengadakan Hari Interaksi untuk ahli sekretariat yang baru
- Bekerjasama menjayakan Festival Kesenian
- Bekerjasama menjayakan Dream Resonance
- Menyertai Program "Pesta Juadah Antarabangsa dan Hari Inovasi"

LAPORAN

Pada tahun ini, Sekteriat Kebudayaan dan Warisan telah mengadakan beberapa aktiviti yang berfaedah di bawah pimpinan Ainur Farahin Abdullah bersama felo penasihat Zulfadli Mohd Kamal untuk para penghuni Kolej Ungku Omar.

Antara program yang telah berjaya dilaksanakan ialah bekerjasama dalam Festival Kesenian (ICAF) yang dianjurkan oleh Pusat Kebudayaan UKM dan Dream Resonance yang dianjurkan oleh Sekteriat Akademik. Selain itu, sekretariat ini juga melibatkan diri dalam bengkel protokol yang di laksanakan di Kolej Ungku Omar.

Akhir kata, sekreteriat ini aktif dalam memberikan sumbangan dan perkembangan Kolej Ungku Omar. Semoga sekretariat ini terut menjadi contoh yang baik kepada sekretariat yang lain.

SEKRETARIAT KEROHANIAN



HIERARKI

FELO

Mashrom Muda

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Zulaikha Nasution Binti Saleh

PENGERUSI

Wan Ammar Muslim bin Che Wan Azizan

NAIB PENERUSI

Fatimah Az-Zahra Bt Rahmat

SETIAUSAHA

Fatin Najwa bt Mohamad Rosdi

BENDAHARI

Nurfatehah Bt Khairul Nizam

AKTIVITI

- Mengadakan hari Omarihan Care
- Membuat Qiamullail
- Mengadakan ceramah
- (Sentuhan Mahabbah (8-10 Mei 2015

LAPORAN

Pada tahun ini sekreteriat kerohanian di bawah pimpinan Wan Ammar bersama pimpinan oleh felo kanan kolej, En Mashrom Muda untuk memantapkan akidah dan akhlak seluruh warga kolej terutamanya yang beragama Islam.

Selain itu, melalui aktiviti-aktiviti yang dilakukan adalah bertujuan untuk menunjukkan agama Islam sebagai agama syumul yakni bersikap menyeluruh. Pelbagai aktiviti lain juga dilaksanakan agar seluruh penghuni kolej dapat terlibat sama.

Akhir kata, sereteriat ini sangat bergiat aktif dan sering bergabung usaha bersama kelab iqra diharapkan menjadi contoh yang baik lantas dapat melahirkan individu muslim yang berjaya dunia akhirat.

SEKRETARIAT KESELAMATAN



HIERARKI

FELO

Chong Yee May

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Muhammad Solihin Hamzah

PENGERUSI

Nabil Arif Abdul Naim

NAIB PENERUSI

Siti Jamaliah Jamari

SETIAUSAHA

Wan Shaidatul Adila Wan Ali

BENDAHARI

Nur Asyiqin Kamarulzaman

AKTIVITI

- Perlantikan AJK Sekreteriat
- Firedrill
- BBQ / Jamuan Tahunan
- Pertandingan Inovasi

LAPORAN

Sepanjang tahun ini, Sekreteriat Keselamatan dipimpin dengan jayanya oleh Muhamtmad Solihin Bin Hamzah bersama penasihat berwibawa Chong Yee May telah menjalankan beberapa aktiviti yang memberi kesedaran kepada mahasiswa

Antara aktiviti unggul yang telah berjaya dilaksanakan ialah Firedrill. Aktiviti ini sedikit sebanyak telah memberi tunjuk ajar kepada mahasiswa untuk mengendalikakan kebakaran dengan sebaiknya. Selain itu, sekreteriat ini telah menyertai Pertandingan Inovasi sempena Fiesta Juadah Antarabangsa Dan Pameran Inovasi. Dalam pertandingan ini, sekreteriat ini telah berjaya dinobatkan sebagai Inovasi Terbaik

Akhir kata, sekreteriat ini merupakan sekreteriat yang banyak menyumbang kepada kebajikan pelajar khususnya. Sekreteriat ini juga, berharap agar Kolej

SEKRETARIAT KEUSAHAWANAN



HIERARKI

FELO

Sharifah Habibah Syed Khalafu

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Muhammad Idris Hamid

PENGERUSI

Syawal Mohd Yusuf

NAIB PENGERUSI

Farah Nadiyah Mohd Shahrudin

SETIAUSAHA

Muhamad Harith Roslay

BENDAHARI

Mohamad Zafrie Mohd. Rodzie

AKTIVITI

- Menyertai Pesta Juadah Antarabangsa dan Inovasi
- Menyertai Karnival Gempak Varia-C
- Penambah baik dalam penjualan di gerai dan resipi baru
- Kelulusan pembukaan koperasi kolej

LAPORAN

Sekretariat keusahawanan terdiri daripada 12 ahli di bawah bimbingan felo dan majlis eksekutif pelajar.

Sepanjang tahun ini, sekretariat keusahawanan telah melaksanakan beberapa program dan kami telah berjaya mendapat hasil jualan yang agak memberangsangkan jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya.

Akhirnya, sekretariat ini telah berjaya mendapatkan kelulusan daripada pihak pentadbiran untuk membuka koperasi di Kolej Ungku Omar.

SEKRETARIAT MAJLIS TERTINGGI



HIERARKI

FELO

Mashrom Muda

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Muhammad Farishah Isnin

Nur Aisyah Ahmad Kamal

Ammar Afandi Che Aziz

Che Ku Fatimah Amirah Che Ku Azlan

Intan Nadia Nik

PENGERUSI

Muhammad Nasri Jamil

NAIB PENERUSI

Afiqah Nadhirah Mohd Hilmy

SETIAUSAHA

Nasirah Aisyah Sabri

BENDAHARI

Nadah Radzalli

AKTIVITI

- Mesyuarat agung peringkat sekretariat
- Melaksanakan Karnival Gempak Varia-C 2015 dengan jayanya
- Mengadakan 'Malam Apresiasi Cemerlang' 2015

LAPORAN

Tahun 2015 merupakan tahun yang sangat sibuk buat ahli sekretariat majlis tertinggi dengan pelbagai program-program penting yang perlu disempurnakan.

Antara program yang dijalankan ialah Karnival Gempak Varia-C dan Malam Apresiasi Cemerlang. Program ini telah mendapat maklum balas yang positif daripada pelbagai pihak tidak kira dalam kolej, malah pihak luar universiti juga.

Sekretariat ini berharap agar menjadi contoh kepada sekretariat lain melalui karakter dan tauladan yang positif. Akhirnya, sekretariat ini ingin menjadi sekretariat yang dapat memberi impak seterusnya memajukan kolej yang tercinta.

SEKRETARIAT SISWI



HIERARKI

FELO

Siti Farhannie Mohd Adnan

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Siti Nur Izzaty Salit

PENGERUSI

Halimah Saad

NAIB PENGERUSI

Farah Hanifah Zainuddin

SETIAUSAHA

Salmah Nor Junaidi

BENDAHARI

Siti Nor Bai'yah Ikmal

AKTIVITI

- Mengadakan Hari Interaksi untuk ahli sekretariat baru.
- Melakukan ceramah umum buat para mahasiswi
- Melakukan gotong-royong untuk membersihkan kawasan kediaman kolej

LAPORAN

Pada tahun ini, sekretariat siswi telah melakukan beberapa aktiviti untuk terus bersaing dengan sekretariat yang lain.

Antara aktiviti tersebut adalah gotong-royong sekitar kolej kediaman, menyertai Pesta Juadah Antarabangsa & Hari Inovasi dan lain-lain.

Akhir kalam, sekretariat ini telah bergiat aktif jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Semoga sekretariat ini terus maju dalam mengembangkan kolej ke arah yang lebih maju selaras dengan Wawasan 2020.

SEKRETARIAT SUKAN & REKREASI



HIERARKI

FELO

Omar Shahiran Zainuddin

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Izad Firdaus Ya'akob

PENGERUSI

Boniface Jayan

NAIB PENERUSI

Muhammad Faisal Abdul Rahman
Maniselven

SETIAUSAHA

Firdaus Hamdan

BENDAHARI

Mohd Asyraf Hanif

AKTIVITI

- Perlantikan AJK Sekreteriat
- BBQ/Jamuan Tahunan
- Mengendalikan SUKEM
- Mengendalikan latihan kawad kaki sempena Hari Kemerdekaan

LAPORAN

Sekreteriat ini telah berjaya menjayakan beberapa program dengan lancarnya. Hal yang demikian, sepanjang tahun ini sekreteriat ini telah dipimpin oleh Izad Firdaus Bin Ya'akob dengan ber-wibawanya.

Antara program yang berjaya dilaksanakan ialah, pengendalian SUKEM. Untuk pengetahuan, Kolej Ungku Omar telah berjaya mendapat tempat dalam beberapa sukan yang dipertandingkan. Ini kerana komitmen yang diberikan ahli sekreteriat ini sepanjang mengendalikan aktiviti ini adalah yang terbaik bagi mengharumkan nama kolej di peringkat universiti.

Selain itu, program yang telah berjaya dilaksanakan ialah program kawad kaki sempena Hari Kemerdekaan antara kolej.

Akhir kata, majulah sukan untuk keperibadian unggul mahasiswa.

SEKRETARIAT KEBAJIKAN



HIERARKI

FELO

Chong Yee Mey

KETUA EKSEKUTIF PELAJAR

Tan Jian Shen

PENGERUSI

Nabilah Baqiyah Binti Mohd Sabri

NAIB PENGERUSI

Nur Rasyiqin Binti Rasli

SETIAUSAHA

Nailah Binti Ata Abdul Muneim

BENDAHARI

Siti Nur Baiyah Binti Ibrahim

AKTIVITI

- Menjalankan kutipan derma untuk mangsa banjir dan kematian
- Mewujudkan pasukan "Dengue Buster" bagi membasmi pembiakan nyamuk denggi

LAPORAN

Pada tahun ini, sekretariat kebajikan dan kaunseling telah melakukan beberapa aktiviti yang mampu memastikan kebajikan setiap penghuni Kolej Ungku Omar terjamin. Organisasi ini diterajui oleh Tan Jian Shen bersama penasihat Chong Yee May.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah menyertai program Pesta Juadah Antarabangsa dan Hari Inovasi dengan menghasilkan produk yang berasaskan botol plastik. Selain itu, sekretariat ini membantu para penghuni kolej yang memerlukan bantuan seperti mangsa banjir dan mahasiswa/i yang terlibat dengan kematian.

Akhirnya, penubuhan pasukan "Dengue Buster" ini membantu dalam membasmi pembiakan nyamuk aedes. Oleh itu, sekretariat ini mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan kebajikan setiap penghuni Kolej Ungku Omar terus terjamin.



KELAB XTREME-C



HIERARKI

FELO

Zulfadhli Mohd. Kamal

YANG DI PERTUA

Muhammad Haziq Mohd Rohir

NAIB YANG DIPERTUA 1

Izad Firdaus Yaakob

NAIB YANG DIPERTUA 2

Siti Nadzirah Ali

SETIAUSAHA

Ahmad Ruzaini Rahim

BENDAHARI

Ilyana Ibrahim

AKTIVITI

- Mengadakan perkhemahan tahunan di Sungai Chiling pada 29-30 Mac 2015
- Melakukan Hari Induksi di Sungai Tua pada 26-28 September 2014
- Mengadakan 'Family Day' di Bagan Lalang pada 17 Mei 2015

LAPORAN

Tahun 2015 telah menjadi tahun yang sangat sibuk bagi Kelab Xtreme-C, seperti tahun-tahun sebelumnya. Masakan tidak, kelab ini ingin meneruskan legasi, memenangi kelab terbaik semasa program makan malam tahunan kolej sesi 2013/2014.

Kelab ini memulakan langkah mereka dengan program tahunan, Hari Interaksi yang bertujuan untuk merapatkan hubungan silatur rahim antara pelajar Tahun 1 dan pelajar-pelajar yang lebih senior. Seterusnya, kelab ini mengadakan beberapa program-program lain seperti Explorace dan jamuan BBQ, Hari Induksi, perkhemahan tahunan dan lain-lain.

Natijahnya, Kelab Xtreme-C merupakan kelab yang sangat aktif dan berdaya saing di peringkat kolej. Kelab ini berharap agar kelab ini terus maju, bukan sahaja dari segi pembangunan kelab tetapi pemikiran dan mentaliti warga pelajar di Kolej Ungku Omar,

KELAB IQRA'



HIERARKI

FELO

Mashrom Muda

PENGERUSI

Muhammad Khairul Ghazi Suhaili

NAIB PENERUSI

Muhsin Abllah

Haulah Zahari

SETIAUSAHA

Nurezzah Maulud Din

BENDAHARI

Afiqah Amil Husin

AKTIVITI

- Mengadakan Hari Interaksi bersama pelajar tahun satu
- Menjalankan majlis berbuka puasa (iftar jama'i)

LAPORAN

Pada tahun ini, Kelab Iqra' telah melakukan aktiviti yang berkaitan dengan kerohanian di bawah pimpinan Muhammad Khairul Bin Ghazi bersama penasihat Mashrom Bin Muda untuk para penghuni Kolej Ungku Omar.

Antara program yang telah dilaksanakan ialah menjalankan Kursus Pengurusan Jenazah dan Amali Sembelihan. Tambahan pula, Kelab Iqra' turut mengadakan Program Sentuhan Mahabbah, Perubuhan Kebajikan Warga Tua Nurul Sa'adah Jerneh, Besut, Terengganu anjuran bersama Sekretariat Kerohanian dan Sivik.

Kesimpulannya, kelab ini sangat aktif dalam sumbangan dan perkembangan akhlak dan akidah pelajar muslim Kolej Ungku Omar. Semoga kelab ini menjadi contoh yang baik kepada sekretariat lain dalam pelaksanaan tugas yang sempurna.

KELAB DIKIR BARAT



HIERARKI

FELO

Mashrom Muda
Zulfadhli Mohd Kamal

PENGERUSI

Ammar Affandi Aziz

NAIB PENGERUSI

Siti Rohayu Saroji
Ainur Farahin Abdullah

SETIAUSAHA

Hafzuddin Hakim Kamal

BENDAHARI

Rabiatul Azimah Nor

AKTIVITI

- Mengadakan mesyuarat agung untuk memilih ahli jawatankuasa baru
- Menyertai Inter-College Festival UKM 2015
- Melakukan pameran mengenai dikir barat

LAPORAN

Kelab Dikir Barat telah memulakan tahun 2015 dengan melakukan mesyuarat agung untuk memilih ahli jawatankuasa yang baharu bagi meneruskan legasi kelab ini. Banyak aktiviti yang signifikan yang dicadangkan untuk menaikkan nama kelab ini.

Antara aktiviti tersebut adalah menyertai 'Inter-College Festival 2015'. Kelab ini telah menjadi antara kumpulan yang digeruni semasa pertandingan tersebut. Malah, bengkel dikir barat telah dilakukan untuk membuka minda mahasiswa/i mengenai sejarah dikir barat.

Kelab ini berharap agar dominasi dikir barat terus diteruskan oleh kelab ini. Malah, diharap agar lebih ramai pelajar yang menyertai kelab ini agar dikir barat tidak mati dalam arus pemodenan.

KELAB BULAN SABIT MERAH MALAYSIA (BSMM)



HIERARKI

FELO

Chong Yee May

KOMANDA

Christopher Anak Mathias

PENOLONG KOMANDAN

Chia Shee Leei

QUARMASTER

Muhammad Arshad Hafizuddin

KETUA UTAMA SEKSYEN

Nurul Afqah Mohd. Zahir

KETUA SEKSYEN 1

Lim Yang Ee

KETUA SEKSYEN 2

Hafizhah Iskandar Muda

AKTIVITI

- Mengadakan Kempen Derma Darah 2015
- Menjalankan Kempen Cegah Denggi
- Melakukan mesyuarat tahunan bagi pelantikan jawatan baru

LAPORAN

Pada tahun ini, Kelab Bulan Sabit Merah telah melakukan beberapa aktiviti di peringkat kolej.

Antara aktiviti tersebut ialah Kempen Derma Darah. Program tersebut menerima sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak di dalam kolej mahupun di luar kolej. Program ini dijalankan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang pendermaan darah kepada golongan yang kurang bernasib baik. Seterusnya, kelab ini telah melakukan Kempen Cegah Denggi dengan bergotong-royong sekitar kolej.

Natijahnya, kelab ini sangat penting dalam pemastian kesihatan dan pencegahan tentang sesuatu penyakit dapat dibendung.

KELAB SENI PEMENTASAN TEATER (SEPET)



HIERARKI

FELO

Zulfadli Mohd Kamal

PENGERUSI

Mohd Haziq Bin Fuad

NAIB PENGERUSI

Nabil Ariff Abdul Naim

SETIAUSAHA

Ismail Rahman

BENDAHARI

Nadhirah Mohd Zaidi

AKTIVITI

- Mengadakan Hari Interaksi
- Bekerjasama dalam Program KGV

LAPORAN

Pada tahun ini, Kelab Sepet telah melakukan beberapa aktiviti yang menarik dibawah pimpinan Zulfadli Mohd Kamal. Kelab Seni Pementasan Teater (SEPET) telah diberi peluang untuk menjayakan rumah hantu di Kolej Ungku Omar (KUO) dibawah program Karnival Gempak Variasi

Bagi menjayakan rumah hantu ini, seramai 8 ahli kelab telah bersetuju untuk menjadi hantu. Bagi yang selebihnya mereka menyiapkan props, make-up, runner dan sebagainya. Aktiviti ini merupakan pengalaman pertama bagi pelajar dalam bidang lakonan untuk menjadi hantu di rumah hantu

Akhir kata, Kelab SEPET ini sangat aktif didalam aktiviti seni pentas teater/ lakonan. Aktiviti ini banyak memberi impak yang positif kepada pelajar dan juga Kolej Ungku Omar. Semoga Kelab SEPET ini dapat menjadi contoh yang baik kepada Kelab yang lain dalam usaha pelaksanaan tugas yang sempurna

KELAB BAHASA MANDARIN



HIERARKI

FELO

Chong Yee May

PENGERUSI

Benjamin Neoh

NAIB PENGERUSI

Ee Chin Yang

SETIAUSAHA

Yong Yar Wen

BENDAHARI

Ng Su Rou

AKTIVITI

- Mengadakan hari interaksi bersama ahli kelab baru.
- Membuat kelas Bahasa setiap malam Isnin.
- Bekerjasama dengan kelab lain untuk aktiviti luar.

LAPORAN

Pada tahun ini, kelab Bahasa mandarin telah melakukan aktiviti yang menyemai minat mempelajari Bahasa mandarin menggunakan kaedah yang mudah dihafal dan difahami. Kelab yang dipimpin oleh Benjamin Neoh bersama Felo Chong Yee May untuk para peminat mandarin di Kolej Ungku Omar.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah mengadakan kuiz dan menyediakan hadiah agar pelajar lebih tertarik dalam melibatkan diri. Tambahan lagi, kelab Bahasa mandarin ini dapat menyediakan peluang bagi pelajar ketika temuduga pekerjaan kerana kebolehan bercakap lebih daripada dua bahasa.

Tuntasnya, kelab ini sangat aktif dalam mewujudkan minat dalam kalangan pelajar, tidak mengira kaum untuk mempelajari Bahasa mandarin. Semoga kelab ini terus mendapat sokongan penghuni kolej pada masa masa yang mendatang.



INTERNASIONAL

V250 F3.5



The Wedding Story

Malam Apresiasi Cemerlang Kolej Ungku Omar merupakan majlis makan malam tahunan secara besar-besaran di Di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR) pada hujung semester kedua pengajian setiap tahun. Tema akan dipilih bagi menghidupkan lagi kemeriahan suasana majlis gilang-gemilang.

Untuk sesi pengajian 2014/2015 ini, tema yang dipilih ialah "The Wedding Story", yang mana tema ini memberi peluang kepada mahasiswa/i untuk merasai sendiri suasana ketika berada di majlis perkahwinan. Di samping itu, dapat mengetahui majlis perkahwinan dari pelbagai kaum. Ia dapat melahirkan semangat kekeluargaan dan memupuk perpaduan sesama penghuni kolej kediaman yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan kepercayaan. Majlis ini, juga secara tidak langsung menjadi sebuah majlis untuk menghargai pelajar tahun akhir yang menatap di Kolej Ungku Omar.

Majlis ini turut diadakan bagi merakamkan jutaan penghargaan buat penghuni kolej kediaman yang menyumbangkan tenaga, masa, wang mahupun buah fikiran bagi menjayakan aktiviti-aktiviti pembangunan segala aspek pada sesi ini. pelbagai jenis anugerah yang akan disampaikan bagi mereka yang telah menjaga dan menaikkan nama Kolej Ungku Omar.



SELAMAT ULANG TAHUN
KE



IKHLAS DARIPADA :
WARGA
KOLEJ UNGKU OMAR



KOLEJ UNGKU OMAR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Nooras

Collection



abby foods
Harasa Bunda

Pemborong dan Penjual:
 Makanan Ringan seperti Biskut Tinjau, Keropok, Keropok, Asam Kuning, Rempyek,
 Rotol Marshmallow, Peanut Candy, Kekacang, Biskut, K. Rea, K. Segit DUL...

EMAS:
 Abby Anika Enterprise (001506701-13)

Mohd : 019-379 1543 Sna: 010-388 1636

KOMPLEKS PINK BANGI * BANGI GATEWAY * WISMA ENTER-AM

Cutie Stride
 SA8297947-V

Intan Rizwanna Ab Jamal

B33 2nd Floor Arcade Fashionista
 Bangi Gateway Shopping Complex
 Section 15 43650 Bandar Baru Bangi
 Selangor

f cutie stride +6 017 2731 434 cutie_stride

M AWADDAH BOUTIQUE

Rafiah bt Ab Wahab
 Branch Manager
 Mobile (018) 234 1802

C-114, Bandar Baru Bangi
 Gateway Shopping Complex,
 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor DE.
 Tel : (03) 8920 0176
 Web : www.mawaddahboutique2.com
 www.mawaddah.com.my

Fatin Fathiza
 Manager

014 227 7915 / 013 233 3681 **laura de beauty official**

lauradebeauty@yahoo.com **laura de beauty**

Lot 948 Unit M 5/25 Bandar Gateway Shopping Complex
 Persiaran Pelandok, Section 15,
 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

C-39/G Bangi Gateway Shopping Complex, Persiaran Pelandok, Section 15
 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

laura_catalogue **Via Catalogue** **lauradebeauty@gmail.com**

017 - 360 5576

contact us
 +6013283 9051
 +6014911 7744
 email us at
 zefikcollection@yahoo.com.my

zefikcollection
 www.zefik.blogspot.com
 www.facebook.com/zefikcollection

ARYNA SAMUDIN

DIRECTOR - MARKETING
 013 303 0349
 aryna@distrokl.com

DISTROKL (00089129-H)
 B-20/2, BANGI GATEWAY,
 PERSIARAN PERKELILING SEC.15,
 43650 BANDAR BARU BANGI,
 SELANGOR
 T: 03 8912 7790
 www.distrokl.com

www.facebook.com/distrokl
@distrokl





PRISMA OPTOMETRIST

501 g, Kompleks Diamond, Bandar Baru Bangi, Selangor

03-89122305

Gaya Penglihatan Anda



KELAS MEMBONGKAR RAHSIA PEMBUATAN AISKRIM



"Praktikal cara buat aiskrim halus dan gebu seperti di pasaran"

Tempat : ZnZ training centre
Masa : 9 -12.30 tgh
Yuran : RM 50.00 seorang

info lanjut di
 zamicecream



Call / Whataspp 018 8721 531/ 013 2811 490
FB : zamicecream

AL-HOUSNI NATUROPATHIC & HOMEOPATHIC CENTER



PUSAT PERUBATAN NATUROPATI & TERAPI RUQYAH



ANARCADIUM
(MINDA PLUS)



BELLADONNA
(DEMAM)



CAUSTICUM
(BEDWETTING)

JENIS RAWATAN YANG DISEDIAKAN: TERAPI RUQYAH, HOMEOPATI, TERAPI MANDIAN, BEKAM, AKUPUNTUR, DIAGNOSIS SARAF TANGAN DAN LAIN-LAIN

NO 11A-1 & 13A-1, JLN REKO SENTRAL 1
TAMAN REKO SENTRAL,
43000 KAJANG
SELANGOR DARUL EHSAN
33MAKIL/MAT LANDUT SILA HUBUNGI:
TN HJ AFENDI BIN HJ SAHI (013-984 8874)
PN HJ ROZITA BT CHE MUSTAPHA (013-358 6680)
MOHAMMAD HOUSNI ZAEEM BIN HJ AFENDI (019-208 7435)
WEBSITE : www.alhousninaturopati.com
EMAIL : alhousninaturopathiccentre@gmail.com



Kampung BBQ Steamboat

Hubungi Kami: 017-7626712 (Pn. Ayu)
BBQ Steamboat, Metropoint Complex
*Buffet (6pm-10pm)
Dewasa: RM 33.80
Kanak-kanak & Warga Emas: RM 19.80

*Ala Carte (11am-9pm)
*Set Lunch (11am-5pm)









MAJALAH VARIA-C



KOLEJ UNGKU OMAR
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
"ESTABLISHED IN 1978"



**PENAJA UTAMA
MALAM APRESIASI CEMERLANG
KOLEJ UNGKU OMAR SESI 2014/2015**